

LAPORAN TAHUNAN

PERSATUAN FRANCAIS MALAYSIA



2024

KANDUNGAN

LAPORAN TAHUNAN PERSATUAN FRANCAIS MALAYSIA

PERUTUSAN

Menteri Pembangunan Usahawan Dan Koperasi (KUSKOP)	4
PENGERUSI PERSATUAN FRANCAIS MALAYSIA	6

PRIHAL MFA

Visi, Misi, Objektif dan Peranan MFA	8
Maklumat Korporat	8
Kepimpinan MFA	9
Profil Ahli Jawatankuasa Utama	10
Profil Juruaudit Dalaman	18
Tadbir Urus Korporat	19
Carta Organisasi	21
Pasukan Sekreteriat	25
Ringkasan Kewangan	27
Statistik Keahlian	28

SOROTAN AKTIVITI 2024

Projek Bunga Raya	29
Program Pengantarabangsaan	30
Program Latihan Dan Pendedahan Francais	32
Program Sokongan Keahlian	33
Program Promosi Francais	34
Program Pengurusan Pentadbiran	35

LAPORAN KEMAJUAN BAGI PROGRAM & AKTIVITI TAHUN 2024

Penglibatan Dengan Industri	36
Program Kerjasama	37
Pengurusan Acara & Program Latihan	38
Sokongan Keahlian	45
Promosi & Pengiklanan	49

PENYATA KEWANGAN

Laporan Prestasi Kewangan	53
Pendapatan	55
Perbelanjaan	59
Jumlah Aset	60
Jumlah Liabiliti	62
Akuan Berkanun	63

KALENDAR AKTIVITI

79

PERUTUSAN

MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI (KUSKOP)

Selamat Sejahtera dan Salam Malaysia Madani.

Terlebih dahulu, saya merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada Persatuan Francais Malaysia (MFA) atas penerbitan Laporan Tahunan 2024, yang bukan sahaja menjadi wadah pelaporan pencapaian dan inisiatif persatuan, malah mencerminkan komitmen berterusan dalam memacu pembangunan industri francais negara.

Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) sentiasa memberi keutamaan kepada pembangunan sektor francais sebagai salah satu pemacu utama pertumbuhan ekonomi yang berdaya tahan dan inklusif. Melalui pelaksanaan Dasar Francais Negara 2030, serta pelbagai inisiatif strategik, KUSKOP bersama agensi pelaksana seperti Perbadanan Nasional Berhad (PERNAS), Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), SME Bank, dan rakan strategik industri francais iaitu MFA, telah dan akan terus melaksanakan pelbagai program berskala besar.

Antaranya termasuklah Pameran dan Persidangan Francais Antarabangsa Malaysia (FIM), Enhanced Franchise Development Program (EFDP) yang merangkumi Misi Perdagangan Antarabangsa dan Padanan Perniagaan, Siri Jelajah Francais, serta pelbagai program latihan pembangunan kapasiti dan kemahiran.

Usaha-usaha ini telah menyumbang secara signifikan kepada pengukuhan ekosistem francais negara yang lebih mampan, berdaya saing dan bersedia untuk berkembang ke

peringkat global. Dalam masa yang sama, kolaborasi erat antara KUSKOP dan MFA telah membuka lebih banyak ruang dan peluang kepada usahawan tempatan untuk menceburi sektor francais serta memperluaskan perniagaan mereka ke pasaran antarabangsa.

Seiring dengan perkembangan semasa, industri francais juga perlu dilihat dari sudut yang lebih luas merangkumi aspek seperti halal, pelancongan dan gaya hidup, yang berpotensi besar untuk diterokai oleh para pemain industri sebagai strategi pengembangan pasaran dan pemerksaan jenama. Bidang-bidang ini bukan sahaja menawarkan nilai tambah kepada konsep francais sedia ada, malah mampu menarik pelaburan baharu dan memperkukuh kedudukan Malaysia sebagai destinasi francais yang menarik di peringkat serantau.

Justeru, KUSKOP kekal komited untuk terus merangka dan melaksanakan program berimpak tinggi yang bukan sahaja dapat melahirkan lebih ramai usahawan francais tempatan, tetapi juga menarik pelabur francais luar negara untuk memulakan perniagaan francais di Malaysia. Usaha ini diyakini akan melebarkan peluang pekerjaan, merencanakan aktiviti ekonomi, dan menyumbang secara langsung untuk membina negara yang progresif dan berdaya tahan, selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI.

Saya percaya, kesinambungan kerjasama strategik ini akan terus merencanakan pertumbuhan industri francais secara holistik,

YB Datuk Ewon Benedick

inklusif dan progresif, dan menjadikan francais sebagai model keusahawanan yang mampan dan relevan untuk masa hadapan.

Akhir kata, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada barisan Jawatankuasa Utama MFA penggal 2022–2025 di bawah kepimpinan YBhg. Datuk Dr. Radzali Hassan, serta kepada seluruh ahli dan penggiat industri francais atas dedikasi dan kesungguhan dalam memartabatkan industri ini. Komitmen padu yang ditunjukkan amatlah dihargai dan menjadi pemangkin kepada kejayaan yang lebih besar pada masa akan datang.

Tahniah dan syabas atas segala pencapaian yang telah direalisasikan. Semoga sinergi yang terjalin ini terus diperkukuh demi merealisasikan hasrat menjadikan Malaysia sebagai hab francais utama di rantau Asia Tenggara.

Sekian, selamat maju jaya.



PERUTUSAN

PENGERUSI PERSATUAN FRANCAIS MALAYSIA

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Malaysia Madani.

Syukur Alhamdulillah, dengan limpah kurnia dan izin-Nya, Laporan Tahunan 2024 Persatuan Francais Malaysia (MFA) berjaya diterbitkan seperti yang dirancang. Laporan ini bukan sekadar dokumen laporan prestasi, tetapi juga mencerminkan hala tuju strategik MFA dalam memperkukuh industri francais negara secara menyeluruh.

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada barisan Ahli Jawatankuasa dan pasukan sekretariat MFA atas dedikasi serta usaha gigih dalam menjayakan pelbagai inisiatif sepanjang tahun ini. Antara pencapaian utama ialah pelaksanaan inisiatif berskala besar yang dinamakan Projek Hibiscus, iaitu menghimpunkan beberapa program strategik dalam satu minggu yang padat dan produktif, termasuk Mesyuarat Tahunan Asia Pacific Franchise Confederation (APFC) dan World Franchise Council (WFC), Pameran & Persidangan Francais Antarabangsa Malaysia (FIM), Padanan Perniagaan “Franchise In-Buying Mission” dan Malam Anugerah Francais Malaysia.

Program-program ini telah berjaya menarik penyertaan aktif daripada pemain industri francais dalam dan luar negara, sekali gus memperkukuh kedudukan Malaysia sebagai hab francais serantau yang dinamik dan progresif.

Selain itu, pelaksanaan Misi Perdagangan Francais di bawah Enhancing Franchise Development Programme (EFDP) telah memberikan impak yang amat memberangsangkan. Misi yang dilaksanakan di Thailand, Singapura, Arab Saudi, Emiriah Arab Bersatu (UAE), Indonesia dan Filipina ini telah menjana potensi jualan francais melebihi RM200 juta. Lebih membanggakan, inisiatif EFDP ini sejak tahun 2017 telah mendorong pembukaan outlet baharu oleh jenama Malaysia di beberapa negara yang dikunjungi — antaranya Little Caliphs di London, MuzArt di Indonesia, Marrybrown di Australia, Laundrybar di Turki, dan GlobalArt di Arab Saudi.

Sebagai Pengerusi, saya amat menghargai sokongan berterusan daripada seluruh ahli MFA yang sentiasa menunjukkan semangat kolaboratif dan komitmen tinggi dalam menggerakkan agenda persatuan. Kejayaan ini adalah hasil kerjasama erat semua pihak dalam ekosistem francais negara.

Selaras dengan hasrat menjadikan MFA sebagai sebuah persatuan yang dihormati, pusat rujukan industri dan penghubung strategik antara pemain francais tempatan dan antarabangsa dengan kerajaan serta pihak berkepentingan, langkah-langkah penambahbaikan tadbir urus sedang giat dilaksanakan. Bermula tahun 2024, MFA telah mewujudkan Jawatankuasa Audit dan Pematuhan, serta Jawatankuasa Cadangan

Datuk Dr. Radzali Bin Hassan

Pindaan Undang-Undang Tubuh sebagai sebahagian daripada usaha memastikan pengurusan yang lebih telus, profesional dan menepati amalan terbaik persatuan antarabangsa.

Saya turut merakamkan penghargaan kepada KUSKOP, serta agensi pelaksana dan rakan strategik seperti Kementerian Kewangan Malaysia (MoF), Kementerian Ekonomi, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), PERNAS, MATRADE, Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), SME Corp, TEKUN Nasional, INSKEN, Bank Rakyat, SME Bank, UDA Holdings, Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO), serta rakan antarabangsa dari World Franchise Council (WFC) dan Asia Pacific Franchise Confederation (APFC) atas sokongan dan kerjasama padu sepanjang tahun ini.

Saya berharap Laporan Tahunan 2024 ini dapat menjadi sumber rujukan sumber dan dorongan bersama dalam usaha menjadikan Malaysia sebagai destinasi utama pelaburan dan pengembangan francais di rantau ini.

Sekian, terima kasih.





SEKILAS MENGENAI MFA

MFA adalah sebuah persatuan yang ditubuhkan di bawah Akta Pertubuhan 1966 dengan matlamat untuk mempromosikan dan memperkasakan perniagaan francais Malaysia.

VISI

Menjadi pendokong dan penggerak utama mewakili masyarakat Francais ke arah merealisasikan hasrat Malaysia untuk menjadi Pusat Serantau Pembangunan Francais.

MISI

Menggembelingkan Francaisor, Francaisi dan Institusi Sokongan dalam satu semangat kekeluargaan, bagi memupuk imej yang cemerlang untuk perniagaan Francais.

OBJEKTIF

1. Menyatukan tenaga ahli-ahli untuk menjaga kepentingan mereka.
2. Memupuk dan mempertahankan imej perniagaan francais dengan menggalakkan amalan perniagaan secara beretika.
3. Mendokong usaha kerajaan untuk menggalakkan penyertaan bumiputera secara langsung dan aktif dalam perniagaan francais.
4. Untuk menyelaras kemudahan dan infrastruktur yang tersedia bagi pembangunan Francais di peringkat kebangsaan, serantau dan antarabangsa.

PERANAN

- a. Menetapkan dan menguatkuasa satu etika amalan perniagaan secara professional di kalangan ahli-ahli.
- b. Bertindak selaku penyimpan maklumat induk mengenai semua aktiviti francais yang sedang beroperasi dan juga yang akan beroperasi di Malaysia serta mengumpul dan menyimpan data dan statistik yang berkaitan dengan perniagaan francais di Malaysia dan juga di peringkat antarabangsa.
- c. Menjalankan kegiatan menggalakkan pertubuhan perniagaan francais, termasuk kerja-kerja penyelidikan dan pembangunan ke arah memantapkan lagi perniagaan francais di Malaysia.
- d. Menyelaras dan melaksanakan program-program latihan dan seminar bertujuan bagi meningkatkan daya kefahaman mengenai sistem francais, pengukuhan sikap dan amalan perniagaan.
- e. Menjalankan aktiviti-aktiviti promosi bertujuan memperkenalkan sistem francais sebagai satu bentuk perniagaan yang berdaya maju serta menjamin kepuasan masyarakat pelanggan dengan produk (termasuk perkhidmatan) yang berkualiti.
- f. Memberi cadangan, maklumbalas serta kerjasama dengan pihak-pihak berkuasa mengenai isu-isu berkenaan dengan francais dan yang berkaitan dengannya.
- g. Bertindak selaku forum untuk bertukar-tukar pengalaman dan kepakaran di antara ahli-ahli Pertubuhan.
- h. Menghubungi dan memelihara hubungan yang erat dengan Persatuan-Persatuan Francais di peringkat antarabangsa.
- i. Menghubungi dan memelihara hubungan yang erat dengan lain-lain pertubuhan perdagangan dalam negeri.
- j. Mengajukan misi pelaburan mengenai francais ke luar negara untuk mengetahui perkembangan sistem ini dan juga untuk mengeksport produk-produk francais tempatan yang telah berdaya maju.
- k. Menjadi tuan rumah bagi misi perniagaan dan pelaburan dari luar negara dan membantu mereka memahami tentang potensi Industri Francais di Malaysia.
- l. Menjalankan kegiatan-kegiatan lain yang selaras dengan tujuan Pertubuhan.

MAKLUMAT KORPORAT

Ahli Jawatankuasa Utama

Datuk Dr. Radzali Hassan

Pengerusi

Dato' Zahriah Abdul Kadir

Naib Pengerusi

Mohamad Shukri Salleh

Naib Pengerusi

Deric Yeo Chin Lee

Setiausaha Agung

Kairul Azman Mohd Yusoh

Penolong Setiausaha

Khalek Awang

Penolong Setiausaha dan Naib Pengerusi JKK Rundingcara & Kebajikan

Ramilan Abdul Rahman

Bendahari dan Pengerusi JKK Kewangan

Paul Ang

Penolong Bendahari dan Naib Pengerusi JKK Kewangan

Prof. Dr. Azmawani Abd Rahman

Naib Pengarah bersama JKK Penyelidikan & Pendidikan

Prof. Dr. Mohd Hizam Hanafiah

Pengarah JKK Penyelidikan & Pendidikan

Amran Abdul Hamid

Pengarah JKK Promosi & Perhubungan Awam

Daniel Sim

Naib Pengarah JKK Pendaftaran & Etika

Jacky Lim

Naib Pengarah bersama JKK Penyelidikan & Pendidikan

Joyce See

Naib Pengarah bersama JKK Perhubungan Kebangsaan & Antarabangsa

Mazlan Ibrahim

JKI Pameran Francais Antarabangsa Malaysia

Neoh Eng Kee

Pengarah JKK Pendaftaran & Etika

Terry Lim

Pengarah JKK Perhubungan Kebangsaan & Antarabangsa

Wong Jin Nee

Pengarah JKK Rundingcara & Kebajikan

Dato' Rohaizi Bahari

Ahli Jawatankuasa Utama

Chek Zainuddin bin Chek Jusoh

Ahli Jawatankuasa Utama

Ahli Jawatankuasa Eksekutif

Datuk Dr. Radzali Hassan

Pengerusi

Dato' Zahriah Abd Kadir

Naib Pengerusi

Mohamad Shukri Salleh

Naib Pengerusi

Deric Yeo Chin Lee

Setiausaha Agung

Ramilan Abdul Rahman

Bendahari

Prof. Dr. Azmawani Abd Rahman

Naib Pengarah JKK Penyelidikan & Pendidikan

Kairul Azman Mohd Yusoh

Naib Pengarah JKK Promosi & Perhubungan Awam

Bahagian Pengurusan

Zuraida Jomri

Ketua Pegawai Eksekutif

Abdullah Abu

Timbalan Pengurus Besar, Pembangunan Program dan Operasi

Norhadi Md Yusof

Timbalan Pengurus Besar, Hal Ehwal Korporat & Perhubungan Antarabangsa

Juruaudit Luaran

JAMAL, AMIN & PARTNERS
No. 62-1, 1st Floor, Jalan 2/23A
Off Jalan Genting Klang
Taman Danau Kota Setapak
53300 Kuala Lumpur

Pejabat Berdaftar

Unit 3A-9, Eco Sky, No 972, Batu 6
1/2, Jalan Ipoh, 68100 Kuala Lumpur

No. Tel: 603 - 6241 4141

No. Faks: 603 - 6241 1551

Juruaudit Dalaman

Wan Khairul Annuar Wan Zainal

Chen Ee Ling

Bank Utama

RHB Bank Berhad

Maybank Berhad

Bank Rakyat

Saluran Media Rasmi

 **Website:** www.mfa.org.my

 **Facebook:** [FranchiseMalaysia](https://www.facebook.com/FranchiseMalaysia)

 **Instagram:** [franchisemalaysia](https://www.instagram.com/franchisemalaysia)

 **X:** [FranchiseMY](https://www.x.com/franchisemalaysia)

 **Youtube:** [MY Franchise Hub](https://www.youtube.com/MYFranchiseHub)

 **Tiktok:** [Franchise Malaysia](https://www.tiktok.com/franchisemalaysia)

KEPIMPINAN

PERSATUAN FRANCAIS MALAYSIA



①

②

③

④

⑤

⑥

⑦

⑧

⑨

⑩

⑪

Dari Kiri

- | | | |
|--|---|--|
| <p>1. Chen Ee Ling
Juruaudit Dalaman</p> | <p>5. Jacky Lim
Ahli Jawatankuasa</p> | <p>9. Khalek Awang
Penolong Setiausaha Agung</p> |
| <p>2. Joyce See
Ahli Jawatankuasa</p> | <p>6. Terry Lim
Ahli Jawatankuasa</p> | <p>10. Mohamad Shukri Salleh
Naib Pengerusi</p> |
| <p>3. Prof. Dr. Azmawani Abd Rahman
Ahli Jawatankuasa</p> | <p>7. Mazlan Bin Ibrahim
Ahli Jawatankuasa</p> | <p>11. Dato' Zahriah Abdul Kadir
Naib Pengerusi</p> |
| <p>4. Amran Abdul Hamid
Ahli Jawatankuasa</p> | <p>8. Dato' Rohaizi Bahari
Ahli Jawatankuasa</p> | <p>12. Datuk Dr. Radzali Hassan
Pengerusi</p> |



13. Deric Yeo Chin Lee

Setiausaha Agung

14. Kairul Azman Mohd Yusoh

Penolong Setiausaha Agung

15. Chek Zainuddin bin Chek Jusoh

Ahli Jawatankuasa Utama

16. Ramilan Abdul Rahman

Bendahari

17. Paul Ang

Penolong Bendahari

18. Neoh Eng Kee

Ahli Jawatankuasa

19. Prof. Dr. Mohd Hizam Hanafiah

Ahli Jawatankuasa

20. Wong Jin Nee

Ahli Jawatankuasa

21. Daniel Sim

Ahli Jawatankuasa

22. Wan Khairul Annuar Wan Zainal

Juruaudit Dalaman

PROFIL AHLI

JAWATANKUASA UTAMA

PENGERUSI

DATUK DR. HJ RADZALI HASSAN

Datuk Dr. Hj Radzali Hassan, dilahirkan pada Februari 1957 di Sungkai, Perak. Beliau merupakan Pengarah Urusan Kumpulan Harta Maintenance Sdn Bhd (Harta) dan berpengalaman luas dalam bidang Korporat, Pengurusan dan Pentadbiran sejak 1980an.

Teras utama perniagaan Harta adalah dalam bidang Pengurusan Fasiliti Bersepadu dan operasi pelbagai kemudahan termasuk perkhidmatan sokongan Komersial, Perindustrian, Hospital, Institusi, Domestik dan Perbandaran.

Datuk Dr Radzali telah dilantik sebagai Pengerusi MFA pada tahun 2017 sehingga kini. Beliau memiliki DBA dalam jurusan Pentadbiran Perniagaan Warsaw Management University pada tahun 2019, sebelum itu beliau di Universty Gergia. Selain itu, beliau juga merupakan Fellow Malaysian Institute of Management, Ahli Alumni di Harvard Business School Malaysia dan The East West Centre (Hawaii, USA).

Datuk Dr Radzali juga terlibat sama dalam pembangunan francais di peringkat global serta pernah menganggotai Lembaga Penasihat Francais, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), ahli World Franchise Council dan Asia Pacific Franchise Confederation, Pengerusi Bersama Jawatankuasa Eksport Francais, Ahli Retail and F&B Productivity Nexus Governing Committee (MPC). Pemegarang Amanah Outward Bound Malaysia dan Penasihat Fakulti Universiti Kebangsaan Malaysia untuk lepasan Ijazah.

Selain terlibat dengan Persatuan, Datuk Dr Radzali juga terlibat dalam pelbagai sektor korporat dan telah memegang jawatan sebagai Pengerusi Yayasan Modal Insan Harta (YMIH), Pengerusi Koperasi Halal Global Berhad (KGHB), Pengarah Urusan Kumpulan Harta Maintenance Sdn Bhd, Pengerusi QDOS Technology Sdn Bhd, Pengerusi QDOS Flexcircuits Sdn Bhd, Pengarah QDOS Holdings Bhd, Pengarah Hozone Sdn Bhd, Pengarah Suiwah Corporation Bhd, Ketua Pegawai Eksekutif Feuilleorganix Sdn Bhd, Pengarah ZOOM Success Sdn Bhd dan mantan Pengarah Halal Development Corporation Berhad.

Beliau telah dianugerahkan Darjah Kesatria Setia Diraja, Persekutuan pada tahun 1997, Darjah Mulia Seri Melaka pada tahun 2008 dan Darjah Setia Pangkuan Negeri (D.S.P.N), Pulau Pinang pada 2013. Selain itu, pada tahun 2023, beliau telah menerima anugerah Hall of Fame di Gulf Franchise Awards 2024, Abu Dhabi.

NAIB PENGERUSI

DATO' ZAHRIAH ABD KADIR

Dato' Zahriah Abd Kadir, 65 tahun merupakan Pengarah Urusan Zahriah Affiq Resort Sdn Bhd yang mengendalikan Hotel Seri Malaysia Kangar dan berpengalaman luas dalam bidang Perhotelan dan Pengurusan. Berkelulusan Sarjana Muda di dalam Sains Pembangunan dan Sarjana Master (MA) didalam bidang Polisi dan Strategi di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Beliau telah berkhidmat sebagai pegawai kerajaan selama 19 tahun dipelbagai jabatan dan kementerian serta mempunyai pengalaman lebih 10 tahun sebagai Franchisor di Rangkaian Hotel terbesar di Malaysia iaitu rangkaian hotel berasaskan Sistem Francais iaitu Hotel Seri Malaysia. Jawatan terakhir adalah sebagai Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengarah Urusan.

Menceburkan diri sebagai Usahawan/Francaisi Hotel Seri Malaysia Kangar sejak tahun 2011. Dato'Zahriah telah dilantik sebagai Bendahari kepada Persatuan Pemilik-Pemilik Hotel (MAHO) pada tahun 2010 sehingga 2012, Bendahari dalam Persatuan Hotel Budget Kedah/Perlis (MYBHA) pada tahun 2019 sehingga 2024 dan beliau juga merupakan Pengerusi Koperasi FELCRA Gugusan Durian Daun, Rembau, Negeri Sembilan. Beliau telah dilantik sebagai Pengerusi JKI Malam Anugerah Francais (2014,2015,2016,2017 dan 2019), Penolong Setiausaha (2011-2019). Beliau merupakan ahli jawatankuasa Peniagaawati Zon Utara. Kini beliau berkhidmat sebagai Pengerusi Persatuan Budget Hotel Kedah/Perlis (MYBHA) dan Naib Pengerusi MFA pada tahun 2019 sehingga kini.

NAIB PENGERUSI

MOHAMAD SHUKRI SALLEH

Mohamad Shukri Salleh, 60 tahun merupakan Pengarah Urusan Nautical Bright Enterprise dan berpengalaman luas dalam bidang Perniagaan Francais. Mendapat kelulusan Diploma Elektronik dari Federal Institute Technology (FIT).

Beliau merupakan salah seorang anggota pengasas MFA pada tahun 1994. Sejak itu, beliau aktif dalam industri francais dan dilantik sebagai ahli jawatankuasa utama MFA sehingga kini. Beliau telah memegang jawatan JKI Franchise Media Bowling, JKI Franchise Media Futsal, JKI Franchise Hunt, JKI Franchise International Malaysia, JKK Promosi & Perhubungan, Jawatankuasa Eksekutif, Penolong Setiausaha, Setiausaha Agung dan Naib Pengerusi MFA.

Beliau merupakan penceramah dan moderator yang kerap dijemput ke persidangan, seminar dan bengkel di peringkat antarabangsa dan tempatan, termasuk mengambil bahagian dalam konvensyen WFC dan APFC. Beliau juga telah menerima pengiktirafan Anugerah Penghargaan Khas 2001 – Kategori Individu dari Persatuan Francais Malaysia diatas sumbangan beliau kepada sektor francais di Malaysia.

SETIAUSAHA AGUNG **DERIC YEO CHIN LEE**

Deric Yeo Chin Lee, dilahirkan pada 26 April di Batu Pahat, Johor, merupakan Ketua Pegawai Operasi (COO) di US Pizza, sambil aktif menyumbang kepada industri melalui pelbagai jawatan dilantik termasuk Setiausaha Agung Persatuan Francais Malaysia (MFA), Ahli Lembaga Penasihat Francais Negara, dan Adjunct Profesor di Taylor's University. Beliau juga pernah dilantik sebagai Pengerusi Productivity Nexus untuk Peruncitan & F&B, satu inisiatif untuk meningkatkan produktiviti sektor tersebut, di samping kerjaya profesional beliau dalam bidang Sumber Manusia, Pemasaran, dan Pembangunan Francais.

Berpendidikan Ijazah Sarjana Muda dalam Pengajian Bahasa Moden dan Sains Komputer dari Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Ijazah Sarjana Pengurusan Hospitaliti Antarabangsa dari University of Toulouse, Perancis, Deric mengintegrasikan kepakaran akademik dan praktikal untuk memacu pertumbuhan industri. Kerjaya beliau bermula dalam Pembangunan Sumber Manusia untuk sektor peruncitan dan F&B, sebelum berkembang ke peranan strategik di syarikat konglomerat dan kepimpinan francais.

Sejak 2022, beliau memegang jawatan Setiausaha Agung MFA, setelah sebelumnya berkhidmat sebagai Naib Pengerusi dan Ahli Jawatankuasa Utama JKK Penyelidikan & Pendidikan MFA. Deric juga merupakan penceramah utama yang kerap diundang ke program latihan francais berprofil tinggi seperti Persidangan Francais Antarabangsa, Kursus Asas Perniagaan Francais, dan program pensijilan antarabangsa

Melalui semua peranan ini, beliau kekal komited untuk membangunkan ekosistem francais Malaysia, merangka strategi industri, dan melatih generasi peneraju melalui gabungan unik pengalaman korporat, akademik, dan khidmat masyarakat.

BENDAHARI **RAMILAN ABDUL RAHMAN**

Ramilan Abdul Rahman dilahirkan di Kg Selising, Pasir Puteh Kelantan pada 7hb Februari 1965. Berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Memulakan kerjaya di Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Johor (sekarang JCORP) dan meneruskan kariernya di Pusat Perubatan An-Nisa', Hotel Al-Ansar, Kolej Teknologi Darul Naim, Taman Rehlah dan Infra Quest Sdn Bhd. Beliau juga menjadi Pengarah beberapa anak syarikat PKINK seperti Infra Quest Sdn Bhd, HostCare Sdn Bhd dan ASCII Sdn Bhd. Beliau dilantik sebagai Penolong Bendahari dalam Jawatankuasa Utama MFA pada 2019 dan seterusnya berkhidmat sebagai Bendahari bermula tahun 2022 sehingga kini.

PENOLONG SETIAUSAHA AGUNG **KHALEK AWANG**

Khalek Awang telah dilahirkan pada 1968. Beliau merupakan seorang peguam sejak diterima masuk dan didaftarkan sebagai peguambela peguamcara di Mahkamah Tinggi Malaya pada tahun 1998. Beliau bersama rakan kongsi telah menubuhkan firma Khalek Awang & Associates 27 tahun yang lalu yang memberi perkhidmatan nasihat guaman dalam pelbagai bidang termasuk undang undang francais, sivil, koprorat dan perbankan.

Beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda Undang undang dengan kepujian, Ijazah Sarjana Undang Undang Perbandingan, dan Sarjana Undang undang Kewangan dan Perbankan Islam di UIA. Karier awal beliau adalah sebagai seorang pensyarah undang undang di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIA) dan juga pensyarah sambilan di Universiti Malaya dan Universiti Industri Selangor, dalam Undang undang Antarabangsa, Jenayah, Sistem Perundangan Malaysia.

Beliau aktif memberikan ceramah undang undang francais dan Latihan sejak Akta Francais diperkenalkan 1999. Pada tahun 2022 beliau telah dipilih sebagai Penolong Setiausaha Agung Persatuan Francais Malaysia.

PENOLONG SETIAUSAHA **KAIRUL AZMAN MOHD YUSOF**

Kairul Azman Mohd Yusof dilahirkan di Teluk Intan, Perak pada Julai 1973. Beliau merupakan Pengarah Francais Antarabangsa Marrybrown Sdn Bhd. Beliau telah berkhidmat kepada Marrybrown sejak tahun 2003 dan berpengalaman selama 20 tahun dalam bidang F&B. Memulakan kerjaya beliau di dalam bahagian operasi dan meneruskan karier sebagai Ketua Bahagian Latihan dan Ketua Bahagian Francais. Beliau menguruskan kesemua outlet Marrybrown untuk enam (6) buah negara dalam operasi, latihan, pemasaran dan pengembangan perniagaan termasuk Sweden, Afrika, UAE, India, Indonesia, Brunei Darussalam, Singapura, Australia dan Qatar. Telah dijemput untuk menjadi salah satu penceramah dalam latihan francais sejak 2017. Beliau telah dilantik sebagai Pengerusi JKK Promosi dan Perhubungan Awam pada tahun 2019 seterusnya dilantik sebagai Penolong Setiausaha Agung pada tahun 2022 sehingga kini. Ahli Lembaga Penasihat Francais di KUSKOP sejak 2024.

PENOLONG BENDAHARI

PAUL ANG

Paul Ang ialah Pengasas dan Pengarah Urusan Kumpulan City Coin Group, pemilik jenama LaundryBar, rangkaian dobi layan diri terbesar di ASEAN. Dilahirkan di Kuala Lumpur pada Oktober 1974, beliau berkelulusan The Association of International Accountants (1999) serta memegang Diploma dalam Percukaian Malaysia (2002). Kerjayanya bermula dalam bidang audit dan percukaian di Grant Thornton Malaysia dan Ernst & Young sebelum menubuhkan LaundryBar, yang kini mempunyai lebih 760 cawangan di Malaysia, Thailand, Brunei dan Turki.

Di bawah kepimpinan beliau, City Coin menjadi syarikat francais tempatan pertama berjaya memperoleh pelaburan melalui BR Capital dan menerima penarafan R4 oleh RAM Ratings, mencerminkan kestabilan kewangan syarikat. Paul turut menerajui pendigitalan operasi LaundryBar dengan sistem pembayaran tanpa tunai, token automatik dan aplikasi pemantauan mesin, menjadikan LaundryBar antara perintis konsep 'Smart Laundry' di rantau ini.

Komitmen beliau dalam tanggungjawab sosial juga terserlah melalui program CSR LaundryBar yang menyediakan perkhidmatan dobi percuma kepada rumah kebajikan, pusat ibadah, dan komuniti terjejas banjir. Beliau turut memperkenalkan mesin Tosei 3-dalam-1 yang lebih cekap tenaga dan mesra alam, selaras dengan inisiatif kelestarian alam sekitar.

Beliau kini berkhidmat sebagai Penolong Bendahari Persatuan Francais Malaysia (MFA) sejak 2022, dan pernah dilantik sebagai Pengerusi JKK Perhubungan Kebangsaan & Antarabangsa pada 2018. Beliau juga Presiden Persatuan Dobi Layan Diri Malaysia dan terus memainkan peranan penting dalam memajukan industri francais negara. Beliau kini merancang pengembangan jenama LaundryBar ke Indonesia dan Timur Tengah bagi merealisasikan visi globalnya. Antara anugerah yang diterima termasuk Best International Franchisor of the Year (Asia Pacific) 2022, Best Franchisor APAC oleh MFA, SME100 Awards, SOBA, Superbrands, Malaysia Book of Records dan ASEAN Record 2024.

AHLI JAWATANKUASA

DATO' ROHAIZI BAHARI

Dato' Rohaizi bin Bahari, dilahirkan pada tahun 1974, merupakan seorang Pegawai Tadbir dan Diplomatik dan berkhidmat sebagai Pengarah Kanan di Sektor Perdagangan Pengedaran dan Perniagaan, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup. Berkelulusan Sarjana Muda Undang-Undang daripada Universiti Islam Antarabangsa Malaysia pada tahun 1998 dan seterusnya melanjutkan pelajaran di National University of Singapore dan mendapat kelulusan Sarjana Pengurusan Awam pada tahun 2012.

Dato' Rohaizi berpengalaman luas dalam perkhidmatan awam khususnya dalam bidang pentadbiran dan keselamatan. Beliau pernah berkhidmat sebagai Timbalan Ketua Pengarah di Bahagian Hal Ehwal Undang-undang, Jabatan Perdana Menteri, Pengarah Imigresen Negeri Johor dan Penasihat Kedutaan (Konsular dan Imigresen) di Suruhanjaya Tinggi Malaysia di New Delhi, India. Beliau dianugerahkan Darjah Indera Mahkota Pahang pada tahun 2016 dan Darjah Sultan Ahmad Shah Pahang pada tahun 2018. Dato' Rohaizi dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Utama Persatuan Francais Malaysia pada 2022.

AHLI JAWATANKUASA

AMRAN ABDUL HAMID

Amran Abd Hamid merupakan Ketua Pegawai Eksekutif di Resepi Arena Sdn Bhd (PenyetPenyet.Com). Berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Korporat UiTM dan juga Sarjana Pentadbiran Perniagaan (MBA) dari Putra Business School. Berpengalaman lebih 15 tahun dalam sektor Makanan & Minuman (F&B) dan telah memperkenalkan Resepi Arena Sdn Bhd dengan jenama asalnya Dapur Penyet pada tahun 2010.

Amran juga bergiat aktif dalam aktiviti kebajikan dan kemasyarakatan seperti Program Dakwah Orang Asli di Royal Belum, Komuniti Rumah orang tua dan anak-anak yatim, Program Transit Gelandangan, Infaq Kasih, Titian Kasih Harian Metro dan banyak lagi program komuniti yang dianjurkan oleh syarikat beliau.

Di bawah kelolaan beliau, Penyetpenyet.com telah menerima Anugerah Francaisor Terbaik 2014 dan Francaisor Harapan Terbaik 2015. Beliau juga turut menerima Anugerah Enterprise 50 Awards SME Corps, Anugerah Usahawan Cemerlang Melaka (PUNB) pada tahun 2017 dan Anugerah Personaliti Industri & Usahawan Malaysia (Niaga Times) pada tahun 2019. Beliau juga adalah Exco didalam BRO (Bumiputera Retailers Organization). Amran dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Utama MFA pada tahun 2022 sehingga sekarang dengan menyandang jawatan Pengerusi Ahli Jawatankuasa Kecil Promosi dan Perhubungan Awam.

AHLI JAWATANKUASA **PROF. DR. MOHD HIZAM HANAFIAH**

Prof. Dr. Mohd Hizam Hanafiah merupakan Profesor dalam bidang Keusahawanan Dan Pengurusan Organisasi di Universiti Kebangsaan Malaysia. Beliau menerima Ijazah Kedoktoran dalam Keusahawanan dari University of Essex, United Kingdom dengan fokus penyelidikannya dalam perniagaan francais selain merupakan Sarjana Pelawat di The Wharton Business School, University of Pennsylvania, Amerika Syarikat dari 2015 hingga 2017.

Bidang penyelidikannya adalah keusahawanan, perniagaan francais, pengurusan strategik, dan pembangunan PKS. Beliau terlibat dalam lebih 45 projek penyelidikan dan 4 kajian polisi, menerima 35 geran penyelidikan, menghasilkan 28 buah buku, 60 artikel jurnal, 9 bab dalam buku, 43 kertas prosiding dan 19 harta intelektual. Dalam perniagaan francais, beliau telah menerima 10 geran penyelidikan, menghasilkan 2 graduan PhD, menulis 19 artikel jurnal, 3 bab dalam buku, 18 kertas prosiding, sebuah buku dan terlibat sebagai 'speaker/

trainer' dalam 83 kursus/seminar berkaitan francais. Beliau telah dilantik oleh YB Menteri KUSKOP sebagai ahli Lembaga Penasihat Francais dari 2024-2026.

Prof Hizam telah terlibat dalam industri francais sejak tahun 2000 sebagai perunding & penyelidik, Setiausaha (2002-2006; 2010-2011) dan Pengerusi (2012-2015; 2022-2025) JKK Penyelidikan dan Pendidikan MFA, Pengarah Anugerah Francais Malaysia (2011-2015; 2023-2024), Pengarah Persidangan Francais Antarabangsa Malaysia (2012-2015; 2023), Pengasas dan Pengarah Program Francais Siswa (2014 & 2015) dan Ahli Majlis Pembangunan Francais Siswa Universiti (2015-2017).

Dalam dunia akademik, Prof Hizam adalah Penilai Kanan bagi Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) sejak tahun 2004, menjadi ahli Lembaga Penyunting lima jurnal di peringkat antarabangsa, pewasit kepada 14 jurnal antarabangsa, pemeriksa luar tesis kepada 9 universiti awam dan swasta, selain terlibat dalam projek- projek perundingan dengan syarikat swasta, universiti swasta, dan agensi kerajaan. Seorang yang minat membaca dan mengembara, beliau telah menerima 30 anugerah sebagai pensyarah.

AHLI JAWATANKUASA **PROFESSOR DR. AZMAWANI ABD RAHMAN**

Prof. Dr. Azmawani Abd Rahman merupakan Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Putra Business School, UPM. Beliau memegang Ijazah Sarjana Muda dalam Bidang Kewangan dari University of South Alabama, Amerika dan Ijazah Doktor Falsafah perniagaan dari Aston University, United Kingdom.

Terdahulu, beliau memang jawatan Pengarah Strategi Korporat dan Komunikasi di Universiti Putra Malaysia (UPM). Pejabat beliau memainkan peranan penting dalam fungsi utama universiti termasuk dalam perhubungan awam dan media, komunikasi strategik, perancangan strategik, pemantauan dan penilaian prestasi universiti. Beliau juga pernah memegang jawatan sebagai Penolong Pengarah pusat penyelidikan, Timbalan Dekan, dan Ketua Jabatan di UPM. Beliau aktif dalam melaksanakan program kerjasama dengan pihak industri sebagai penasihat, penilai dan perunding.

Beliau dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Utama sejak tahun 2015 dan penglibatannya dengan MFA termasuk sebagai panel penilaian, jawatankuasa teknikal, dan pengerusi Anugerah Francais Malaysia dan Persidangan Antarabangsa Francais yang berprestij. Beliau telah membuat lebih dari 80 penampilan di media utama termasuk surat khabar, televisyen dan radio melalui penulisan dan perkongsian kepakaran beliau. Beliau telah menerbitkan lebih dari 100 artikel dalam jurnal dan buku dan mengetuai pelbagai geran penyelidikan di peringkat nasional dan antarabangsa. Professor Dr Azmawani dilantik sebagai penulis rasmi kajian kes oleh pelbagai agensi kerajaan dan syarikat di sektor swasta.

AHLI JAWATANKUASA **JACKY LIM**

Jacky Lim Kheng Aun berasal daripada Pulau Pinang dan dilahirkan pada Jun 1975. Beliau merupakan Pengasas dan pengarah kepada Goldlife Marketing Sdn Bhd (MEIKO). Berpengalaman selama lebih 23 tahun dalam pemasaran, 20 tahun dalam pengurusan sistem francais dan 20 tahun dalam strategi penjenamaan. Beliau juga merupakan pengasas dan pelatih untuk Maction Business Academy yang ditubuhkan pada tahun 2019. Beliau telah berjaya menganjurkan lebih 1,000 sesi latihan francais di seluruh Malaysia. Beliau merupakan seorang pelatih yang telah mendapat sijil HRDF dan diiktiraf oleh Britishpedia.

Beliau telah dilantik sebagai Naib Pengerusi JKK Promosi dan Perhubungan Awam pada tahun 2019 dan seterusnya dilantik sebagai Naib Pengerusi JKK Penyelidikan & Pendidikan pada tahun 2022 sehingga kini. Beliau telah dinobatkan sebagai The 100 Most Influential Young Entrepreneurs pada tahun 2019. Antara anugerah lain yang diterima oleh Meiko dan Maction sepanjang kelolaan beliau adalah International Corporate Awards International Brand 2014, Fast Moving Companies Award dalam SME 100 Awards 2015, Nanyang Siang Pau Golden Awards 2015, Sin Chew Business Excellent Awards 2016, Malaysia Health & Wellness Brands Awards 2018 dan Penyertaan Tertinggi di ASEAN dalam Kursus Latihan Francais dan Pelesenan Berbayar Bahasa Cina daripada Akademi Francais Swasta Sehen yang menawarkan latihan dan sokongan permohonan lesen francais sejak 2019 (seramai 3050 peserta).

AHLI JAWATANKUASA

JOYCE SEE

Joyce See Siok Mee, merupakan seorang pemimpin industri yang berpengalaman luas dalam pengurusan francais, pembangunan perniagaan dan strategi pengembangan pasaran. Beliau kini memegang jawatan sebagai Pengarah Urusan Negara Sumi Malaysia Sdn Bhd, anak syarikat kepada Lava International Inc. dari Jepun yang menggunakan nama perdagangan Lava rangkaian kecergasan terbesar dari Jepun yang sedang giat mengukuhkan kehadirannya di Malaysia.

Sebelum ini, beliau berkhidmat sebagai Pengurus Besar Francais di 7-Eleven Malaysia Holdings Bhd, di mana beliau memainkan peranan penting dalam menyumbang kepada pertumbuhan strategik jenama tersebut, rangkaian kedai serbaneka terbesar di Malaysia dengan lebih daripada 2,500 cawangan di seluruh negara. Di samping itu, beliau juga mempunyai pengalaman berharga sebagai pemilik francais bagi beberapa cawangan Subway Malaysia yang membolehkan beliau mengendalikan operasi harian dan memahami secara mendalam aspek kewangan serta operasi dalam sektor francais makanan dan minuman antarabangsa.

Dengan lebih 15 tahun pengalaman dalam industri francais, F&B dan peruncitan. Beliau memiliki kepakaran mendalam dalam beberapa bidang utama termasuk pembangunan francais dan strategi pengembangan pasaran, pengurusan operasi dan kecemerlangan perniagaan, pembangunan jenama, penjenamaan semula dan lesen produk pengguna, perancangan strategik dan inovasi, serta pengoptimuman rantai nilai untuk menjana pertumbuhan mampan dalam model perniagaan pelbagai cawangan.

Berbekalkan latar belakang pendidikan dalam Pengurusan Hospitaliti dari Melbourne, Australia, Joyce menggabungkan pengetahuan akademik dengan kepimpinan praktikal bagi mendorong kejayaan organisasi. Beliau dikenali atas kebolehannya membina model perniagaan berskala besar, menubuhkan sistem francais berprestasi tinggi serta menerajui pengembangan pasaran berdasarkan pendekatan berasaskan data dan berfokuskan jenama.

Selain daripada kerjaya korporatnya, Joyce juga aktif menyumbang dalam pembangunan industri melalui penglibatan dalam pelbagai jawatankuasa profesional, termasuk sebagai Ahli Jawatankuasa Eksekutif Persatuan Francais Malaysia (MFA), Ahli Jawatankuasa Latihan Sektor HRDCorp, Ahli Nexus Produktiviti F&B & Peruncitan di bawah MPC, serta sebagai pengarah di beberapa syarikat swasta.

AHLI JAWATANKUASA

MAZLAN BIN IBRAHIM

Mazlan bin Ibrahim merupakan lulusan Chartered Institute of Management Accountants (CIMA) pada tahun 1993. Memulakan karier beliau dengan Ban Hin Lee Bank pada tahun 1994 sebelum menyertai Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB) pada tahun 1995 dan seterusnya

AHLI JAWATANKUASA

DANIEL SIM

Daniel Sim, dilahirkan pada Oktober 1988 di Subang Jaya. Beliau merupakan graduan Sarjana Pentadbiran Perniagaan (MBA) daripada University Wales Trinity St David, United Kingdom. Memulakan kerjayanya sebagai Jurutera (2012) dan Jurutera Eksekutif (2015) untuk Malaysia Airlines. Pada tahun 2015, Beliau menceburi perniagaan jualan dan latihan jualan secara sambilan. Kemudian beliau meninggalkan Malaysia Airlines untuk menjalankan perniagaannya sepenuh masa.

Pada 2018, beliau menyertai Cambridge English For Life (CEFL) sebagai Pengurus Pembangunan Francais. Sejak menceburi industri francais, beliau telah berjaya menubuhkan hampir 15 pusat CEFL baharu di seluruh Malaysia. Pada tahun 2022, beliau dilantik sebagai Pengarah Eksekutif CEFL.

Sepanjang perkhidmatannya di CEFL, Daniel Sim telah membantu CEFL memenangi beberapa anugerah termasuk Parents's Choice Awards sejak 2019 hingga 2024, Anugerah Francais Malaysia Terbaik 2021, 2023 serta Anugerah Francaisor Terbaik (Perak) di dalam Anugerah Francais Malaysia 2022. Daniel turut dicalonkan sebagai finalis di bawah kategori Penulisan Artikel Industri Francais Terbaik. Turut aktif dalam penglibatan aktiviti anjuran MFA, beliau telah dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Utama MFA pada tahun 2022 sehingga kini.

Pada awal tahun 2024, pihak CEFL berjaya memenangi anugerah jenama terbaik (perak) di dalam Anugerah The Star Outstanding Business Awards.

AHLI JAWATANKUASA

NEOH ENG KEE

Neoh Eng Kee dilahirkan di Taiping, Perak. Beliau merupakan seorang Peguambela dan Peguamcara di firma Tetuan Manjit Singh Sachdev, Mohammad Radzi & Partners. Beliau yang berkelulusan Undang-Undang daripada University of London dan mempunyai pengalaman lebih 30 tahun dalam bidang Perundangan.

Beliau dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Utama MFA sejak tahun 2017 sehingga kini. Beliau turut aktif dan berkecimpung dalam persatuan-persatuan lain antaranya adalah Penasihat Undang-Undang dalam Persatuan Taman Tema dan Pusat Hiburan Keluarga Malaysia (MATFA), penasihat kepada Persatuan Rantai Peruncit Malaysia (MRCA) dan Penasihat kepada Persatuan Farmasi Malaysia (MPS).

bersama Perbadanan Nasional Berhad (PERNAS) pada tahun 1998. Lebih 30 tahun, terlibat dalam pembangunan keusahawanan dan perniagaan, pembiayaan dan pelaburan. Pada tahun 2004, beliau telah mengetuai Jabatan Pembangunan Francais yang diamanatkan untuk menjayakan Program Pembangunan Francais (PPF) di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan (KPUN). Kini, beliau merupakan Ketua Pegawai Pelaburan Pernas.

AHLI JAWATANKUASA**TERRY LIM**

Terry Lim merupakan Ketua Pegawai Pemasaran Global Art & Creative Sdn Bhd. Global Art telah berkembang ke 23 negara dengan 600 cawangan dan pendaftaran lebih 1,000,000 pelajar di seluruh dunia. Sejak 2004, Terry Lim telah merekrut lebih daripada 90 francais untuk Global Art. Kepakarannya adalah dalam pembangunan perniagaan, pembinaan pasukan, media dalam talian & sosial, penjualan & pemasaran dan pembinaan rangkaian. Beliau telah dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa MFA sejak tahun 2018 dan berkhidmat sebagai Pengerusi JKK Pengurusan Kebangsaan & Antarabangsa. Selain itu, beliau turut terlibat dalam aktiviti perkongsian pengetahuan dan pengalamannya dalam industri francais dan perniagaan di Malaysia juga antarabangsa. Dia telah dijemput untuk menjadi salah satu penceramah dalam latihan francais sejak 2016.

AHLI JAWATANKUASA**WONG JIN NEE**

Wong Jin Nee dilahirkan di Alor Setar, Kedah pada tahun 1966. Beliau memperoleh ijazah undang-undang dari Universiti Sydney, Australia dan diterima sebagai Peguambela dan Peguamcara di Mahkamah Tinggi Malaya pada 1991. Wong Jin Nee ialah salah seorang rakan pengasas Wong Jin Nee & Teo (Firma). Dengan lebih daripada 30 tahun pengalaman berlatih secara eksklusif dalam bidang harta intelek dan Francais. Beliau juga berkhidmat sebagai Ejen Cap Dagangan, Paten, Petunjuk Geografi dan Ejen Reka Bentuk Perindustrian berdaftar di Malaysia. Selain itu, beliau turut terlibat dalam beberapa badan berkepentingan lain seperti menjadi ahli Tribunal Hak Cipta (2020 – 2023; 2024 -2027), ahli Lembaga Pemeriksa Ejen Paten (2020-2023; 2023-2024), ahli Jawatankuasa IP Majlis Peguam, ahli panel pertikaian nama domain yang dilantik oleh Asia Pusat Timbang Tara Antarabangsa (AIAC), ahli Jawatankuasa Penguatkuasaan INTA (2020-2021), ahli Jawatankuasa Pengkomersialan Jenama INTA (2022-2023), pengerusi bersama Jawatankuasa Kecil Pengiklanan dan ahli GAC INTA, Asia (2022-2023), ahli TOPC INTA (2024-2025) dan pengantara bertauliah pada panel Pusat Pengantaraan Malaysia (MIMC).

Jin Nee juga pernah menyandang jawatan Presiden bagi Persatuan Eksekutif Pelesenan Malaysia (2000), Pengerusi Jawatankuasa IP Majlis Peguam yang lalu, dan bekas Ketua Jawatankuasa IPR Dewan Perniagaan EU-Malaysia (kini dikenali sebagai EUROCHAM). Beliau juga merupakan juga merupakan salah satu kumpulan pertama Penilai IP yang dilatih oleh MyIPO dan diperakui oleh World Trade Institute, Switzerland.

Beliau juga merupakan seorang Perunding Berdaftar dengan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP). Beliau telah dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Utama MFA pada tahun 2022 dengan memegang jawatan sebagai Pengerusi, Rundingcara & Kebajikan MFA.

AHLI JAWATANKUASA**CHEK ZAINUDDIN BIN CHEK JUSOH**

Chek Zainuddin bin Chek Jusoh dilahirkan pada 26 November 1965 di Terengganu. Beliau memiliki latar belakang akademik yang kukuh dalam bidang ukur dan pentadbiran awam. Beliau memperoleh Ijazah Sarjana Muda Sains Gunaan (Ukur dan Pemetaan) dari Curtin University of Technology, Australia (1993), Sarjana Sains Ukur dari Universiti Teknologi Malaysia (1998), dan Diploma Pentadbiran Awam dari INTAN (1995).

Beliau kini berkhidmat sebagai Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) di Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS), Jabatan Perdana Menteri, dan memegang Gred Utama Perkhidmatan Awam B (JUSA B). Dalam peranan ini, beliau mengetuai pelaksanaan projek kerjasama awam swasta (PPP) yang strategik bagi menyokong agenda pembangunan nasional. Kepakarannya merangkumi tadbir urus awam, pembangunan dasar, hubungan antarabangsa dan pengurusan sumber manusia.

Kerjaya beliau dalam perkhidmatan awam bermula sebagai Penolong Pengarah di Jabatan Perdana Menteri pada tahun 1994. Beliau kemudian berkhidmat di Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Kementerian Kerja Raya, Kementerian Pelancongan, dan Kementerian Komunikasi dan Multimedia dalam pelbagai jawatan strategik termasuk Setiausaha Bahagian. Sepanjang perkhidmatannya, beliau banyak terlibat dalam merangka dasar-dasar pembangunan, hubungan antarabangsa, industri kreatif, pembangunan sumber manusia dan pengurusan vendor serta francais. Pada tahun 2020, beliau dilantik sebagai Setiausaha Bahagian di Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) untuk mengetuai Bahagian Pembangunan Francais dan Vendor. Beliau merancang pelbagai inisiatif bagi memperkasa perusahaan kecil dan sederhana (PKS) melalui program pembangunan francais dan vendor.

Antara sumbangan luar negara, beliau mengetuai delegasi usahawan ke Abu Dhabi dan Jepun serta memimpin misi dagangan halal ke Dubai. Beliau juga merupakan Ahli Lembaga Pengarah Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) dan Ahli Jawatankuasa Utama Persatuan Francais Malaysia. Beliau pernah menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) pada tahun 1999, 2006 dan 2007 serta sijil penghargaan prestasi cemerlang pada 2019. Chek Zainuddin merupakan penjawat awam yang berpegang pada prinsip ketelusan, profesionalisme dan kecemerlangan dalam menyampaikan perkhidmatan yang berimpak tinggi kepada negara.

PROFIL

JURUAUDIT DALAMAN

JURUAUDIT DALAMAN

WAN KHAIRUL ANNUAR WAN ZAINAL

Wan Khairul Annuar Bin Wan Zainal dilahirkan pada tahun 1970 dan merupakan graduan Diploma Pengajian Perniagaan daripada Institut Teknologi MARA (kini UiTM) pada tahun 1991. Beliau memiliki pengalaman kerja lebih 33 tahun, termasuk lebih 25 tahun dalam industri francais. Kepakaran beliau meliputi pembangunan francais, operasi, pemasaran, pematuhan, latihan, serta pengurusan jenama di peringkat tempatan dan antarabangsa.

Sepanjang kerjaya beliau, Wan Khairul telah memegang pelbagai jawatan penting dalam syarikat ternama. Beliau kini berkhidmat sebagai Pengarah Francais (Franchise Director) di Seoul Garden Restaurant Sdn. Bhd. sejak tahun 2019, di mana beliau turut dilantik sebagai Pengerusi Halal Kumpulan untuk semua cawangan Seoul Garden di Malaysia. Sebelum itu, beliau merupakan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) di Wellspring Industry Inc., iaitu pemilik

jenama terkenal Tutti Frutti Frozen Yogurt* dan O' My Buns!*, yang mempunyai lebih 1,000 cawangan di lebih 40 negara. Beliau juga pernah berkhidmat sebagai Pengurus Francais di Fuel Shack, Pengarah Operasi di Red Mango, serta menjawat pelbagai peranan penting dalam NAZA Tutti Frutti, Shakey's Pizza, dan Kyros Kebab. Sebelum menceburi bidang francais, beliau berkhidmat di dalam sektor perbankan.

Pengalaman beliau yang luas, disertai dengan kebolehan komunikasi lintas budaya, semangat kepimpinan dan dedikasi terhadap pawaian tinggi dalam operasi, menjadikan beliau seorang individu yang disegani dalam industri. Pada tahun 2024, beliau telah dilantik sebagai Juruaudit Dalaman Persatuan Francais Malaysia bagi penggal 2024 hingga 2026, mencerminkan tahap profesionalisme dan kepercayaan tinggi industri terhadap kepakaran beliau.

JURUAUDIT DALAMAN

CHEN EE LING

Dilahirkan pada tahun 1988 di Kuala Lumpur, Ee Ling merupakan seorang profesional kewangan dengan lebih 10 tahun pengalaman dalam bidang perakaunan korporat dan kawalan kewangan. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Perdagangan (Perakaunan) dari Flinders University, Australia, dan merupakan ahli CPA Australia serta Institut Akauntan Malaysia (MIA).

Kerjayanya bermula di Australia bersama KHG Accounting, di mana beliau mengendalikan penyediaan penyata cukai dan audit untuk pelbagai jenis perniagaan. Sekembalinya ke Malaysia, beliau menyumbang kepakaran dalam syarikat seperti Deemcee Sdn. Bhd., Ideal Marketing Arm, Prokidz Academy International dan Parents First Sdn. Bhd. dalam pelbagai peranan kewangan termasuk pelaporan kewangan, kawalan bajet, dan pematuhan cukai.

Kini, Ee Ling menjawat jawatan sebagai Ketua Pegawai Kewangan di Lapendaz Sdn. Bhd., menerajui pengurusan kewangan strategik, pelaksanaan kawalan dalaman, dan penambahbaikan proses perakaunan bagi menyokong pertumbuhan syarikat.

Selain peranan korporat, beliau juga aktif menyumbang kepada pembangunan sektor pendidikan dan komuniti. Sejak tahun 2024, beliau turut berperanan sebagai ahli Jawatankuasa Audit Dalaman Persatuan Francais Malaysia (MFA), menyumbang dalam aspek pematuhan dan tadbir urus organisasi.

TADBIR URUS KORPORAT

MFA ditadbir berdasarkan kepada Prinsip Tadbir Korporat selaras dengan Akta Pertubuhan 1966 dan Undang-Undang Tubuh MFA sejajar dengan fungsi dan tanggungjawabnya untuk mempromosikan imej cemerlang perniagaan francais dan industri francais negara.

JAWATANKUASA UTAMA

Anggota Jawatankuasa Utama telah diamanahkan dengan tugas dan tanggungjawab untuk membimbing dan memberi panduan kepada pengurusan dalam menjaga kepentingan ahli, pemain industri dan pihak-pihak lain yang berkepentingan.

KOMPOSISI JAWATANKUASA UTAMA

Terdiri daripada anggota-anggota dikalangan Ahli Biasa dan butirannya adalah seperti berikut:

- a) **Pengerusi**
- b) **Dua Naib Pengerusi**
- c) **Setiausaha Agung**
- d) **Dua Penolong Setiausaha**
- e) **Bendahari**
- f) **Penolong Bendahari**
- g) **Dua Belas orang Ahli Jawatankuasa**
- h) **Dua Juruaudit Dalaman**

Setiap Jawatankuasa Kecil akan dipengerusikan oleh seorang Ahli Jawatankuasa Utama. Ahli-Ahli Jawatankuasa Kecil terdiri daripada beberapa orang Ahli Jawatankuasa Utama di samping beberapa wakil daripada kerajaan, industri atau pun ahli akedemik yang mempunyai kepakaran yang diperlukan secara khusus oleh Jawatankuasa Kecil.

Bagi sesi 2022/2025, keanggotaan Ahli Jawatankuasa Utama terdiri daripada pelbagai kategori keahlian dan sektor perniagaan. Kepelbagaian ini adalah untuk memastikan

manfaat keahlian dan perkhidmatan terbaik dapat diberikan kepada para ahli, pihak berkepentingan dalam industri dan masyarakat agar MFA terus mampan dalam membangunkan industri francais Malaysia. Kepelbagaian latar belakang Ahli JKU dari sudut kemahiran serta pengalaman perniagaan dan pengurusan organisasi penting untuk memastikan MFA sentiasa cakna dan memahami cabaran dalam perniagaan francais dan seterusnya dapat menjadi suara kepada ahli untuk menyampaikan hasrat industri kepada pihak yang berkepentingan terutamanya pihak kementerian.

JAWATANKUASA KECIL

Beberapa Jawatankuasa Kecil ditubuhkan bagi memantau dan mengukuhkan pelaksanaan program-program industri serta proses dalaman MFA dan butiran lanjut seperti berikut:

- a) **Jawatankuasa Kecil Pentadbiran**
- b) **Jawatankuasa Kecil Kewangan**
- c) **Jawatankuasa Kecil Audit dan Pematuhan**
- d) **Jawatankuasa Kecil Pendaftaran & Etika**
- e) **Jawatankuasa Kecil Perhubungan Kebangsaan & Antarabangsa**
- f) **Jawatankuasa Kecil Promosi dan Perhubungan Awam**
- g) **Jawatankuasa Kecil Penyelidikan & Pendidikan**
- h) **Jawatankuasa Kecil Pembangunan Perniagaan**
- i) **Jawatankuasa Kecil Rundingcara & Kebajikan**
- j) **Jawatankuasa Induk Projek Bunga Raya**

SENARAI JAWATANKUASA KECIL (JKK)

JKK Kewangan (TR)

Objektif:

Mengemukakan aktiviti dan perkembangan Jawatankuasa Kewangan sehingga 31 Disember 2024.

Pengarah

Ramilan Abdul Rahman

Naib Pengarah

Paul Ang Beng Teck

Ahli-ahli

Deric Yeo
Zuraida Jomri
Norhadi Md Yusof
Siti Khadijah Mohd
Sheilla Afiqah Ab Rahim

JKK Pentadbiran (SG)

Objektif:

Jawatankuasa Kecil Pentadbiran bertanggungjawab dalam memastikan MFA ditadbir berdasarkan kepada pematuhan Undang-Undang Tubuh MFA dan Akta Persatuan 1966. Selain itu, JK juga berperanan untuk memantau dan memastikan aktiviti MFA dilaksanakan selaras dengan hala tuju MFA dan Industri Francais. Juga berperanan untuk memantau dan memastikan aktiviti pentadbiran MFA dilaksanakan dengan cekap, amanah dan berkesan.

Pengarah

Deric Yeo

Naib Pengarah

Kairul Azman Mohd Yusof

Khalek Awang

Ahli-ahli

Zuraida Jomri
Cik Siti Ohara Hamdan
Norhadi Md Yusof
Bayani Salihah Ibrahim
Nur Aqilah Mohd Ridzuan

JKK Pendaftaran & Etika (RET)

Objektif:

Jawatankuasa Kecil Pendaftaran dan Etika adalah bertanggungjawab menentukan kedudukan sesuatu permohonan untuk menjadi ahli, memperakukan permohonan tersebut kepada Jawatankuasa Utama, bertanggungjawab ke atas mekanisme pengawasan etika ahli-ahli menggunakan Kaedah-kaedah Pengawasan Etika secara dalaman yang diperuntukkan di dalam Undang-Undang Tubuh ini.

Pengarah

Neoh Eng Kee

Naib Pengarah

Daniel Sim

Ahli-Ahli

Deric Yeo
Zuraida Jomri
Abdullah Abu
Nabila Syafifi Roslan

JKK Pembangunan Perniagaan (BDE)

Objektif:

Jawatankuasa Kecil Pembangunan Perniagaan bertanggungjawab menangani dan memantau isu-isu semasa ahli di dalam aspek pembangunan perniagaan francais dan industri secara khusus seperti kewangan, premis, keusahawanan dan pembangunan produk melalui intergrasi setiap ahli agensi kerajaan, korporat dan usahawan di samping mewujudkan peluang-peluang perniagaan melalui aktiviti yang dilaksanakan bertujuan bagi mengukuhkan dana MFA.

Pengarah

Dato' Zahriah Abd Kadir

Naib Pengarah

Paul Ang

Ahli - ahli

Deric Yeo
Zuraida Jomri
Norhadi Md Yusof
Nurizzatul Faiqah binti Rohaizat
Muhammad Adam Abdul Jaffar

JKK Perhubungan Kebangsaan & Antarabangsa (NIR)

Objektif:

Jawatankuasa Kecil Perhubungan Kebangsaan & Antarabangsa bertanggungjawab menjalinkan dan memupuk hubungan yang erat dengan semua pihak di dalam dan luar negeri yang berkepentingan dengan tujuan dan maksud pertubuhan untuk terus membangunkan sektor francais serta memberi manfaat kepada ahli.

Pengarah

Terry Lim

Naib Pengarah

Joyce See

Ahli-ahli

Deric Yeo
Zuraida Jomri
Norhadi Md Yusof
Nurizzatul Faiqah Rohaizat
Logarasan a/l Anbarasan

JKK Penyelidikan Dan Pendidikan (RED)

Objektif:

Jawatankuasa Kecil Penyelidikan & Pendidikan bertanggungjawab merancang dan melaksanakan projek - projek latihan dan pendidikan kepada ahli - ahli dan menyelenggarakan pusat maklumat mengenai Industri Francais untuk faedah ahli-ahli.

Pengarah

Prof. Dr. Mohd Hizam Hanafiah

Naib Pengarah

Prof. Dr. Azmawani Abdul Rahman

Ahli-ahli

Deric Yeo
Jacky Lim
Khairul Imran Adnan Mohamed Noor
Dr Nurul Ashykin Abd Aziz
Zuraida Jomri
Abdullah Abu
Fabian Sulau Anak Jamu

JKK Rundingcara & Kebajikan (CW)

Objektif:

Jawatankuasa Kecil Rundingcara dan Kebajikan ini bertanggungjawab memberi khidmat kaunseling, menjaga kebajikan ahli serta mengambil tindakan menjalankan timbangtara dalam sesuatu konflik sesama ahli.

Pengarah

Wong Jin Nee

Naib Pengarah

Khalek Awang

Ahli-Ahli

Deric Yeo
Zuraida Jomri
Abdullah Abu
Nabila Syafifi Rosslan

JKK Promosi & Perhubungan Awam (PPR)

Objektif:

Jawatankuasa Kecil Promosi & Perhubungan Awam bertanggungjawab dalam usaha mempromosi aktiviti persatuan, ahli-ahli dan industri francais secara keseluruhannya. Jawatankuasa Kecil ini turut berperanan memupuk dan menjalin hubungan erat dengan pihak kerajaan, organisasi media, agensi-agensi swasta dan semua pihak yang berkaitan.

Pengarah

Amran Abd Hamid

Naib Pengarah

Kairul Azman Mohd Yusoh

Ahli-Ahli

Zuraida Jomri
Abdullah Abu
Nurul Ain Mohamad
Muhammad Asri Ruzaiman

JKI PROJEK BUNGA RAYA

Objektif:

Program ini merupakan platform penting kepada ahli dan industri francais untuk mengembangkan perniagaan di dalam dan luar negara melalui pameran francais. Ia turut menghimpunkan wakil persatuan francais antarabangsa bagi berkongsi idea dan membincangkan cabaran semasa industri. Selain itu, pengiktirafan diberikan kepada penggiat francais cemerlang sebagai penanda aras kepada usahawan lain. Keseluruhannya, inisiatif ini membantu merancakkan industri francais dan menyokong pertumbuhan ekonomi negara. Antara aktiviti Projek Bunga Raya ialah Franchise International Malaysia 2024 (FIM), Malam Anugerah Francais (MAF), Franchise In-Buying Mission (FIBM) serta Mesyuarat APFC & WFC.

Penasihat

Datuk Dr.Radzali Hassan
Dato' Zahriah Abdul Kadir
Mohamad Shukri Salleh

Pengerusi

Deric Yeo

Ahli-ahli Jawatankuasa

Mesyuarat APFC & WFC	: Wong Jin Nee
	: Terry Lim
Persidangan Antarabangsa	: Prof Dr.Azmanwani Abdul Rahman
FIBM	: Neoh Eng Kee
MAF	: Kairul Azman Mohd Yusoh
Anugerah	: Prof Dr. Mohd Hizam Hanafiah
Pameran	: Paul Ang
	: Jacky Lim
Tajaan	: Amran Abdul Hamid
	: Joyce See
Program Sokongan dan Logistik	: Terry Lim
Ahli terlibat	: Zuraida Jomri
	: Norhadi Md Yusof
	: Abdullah Abu
	: Siti Ohara Hamdan
	: Nurul Ain Mohamad
	: Nabila Syafifi Rosslan
	: Logarasan a/l Anbarasan
	: NurizzatulFaiqah Rohaizat

SUMBER MANUSIA

Jumlah kakitangan:




SEKRETARIAT

Sekretariat MFA terdiri daripada 16 orang kakitangan. Daripada itu, seramai 12 orang terdiri daripada lantikan tetap manakala bakinya seramai 4 orang kakitangan adalah berstatus kontrak. Sekretariat berfungsi untuk merancang dan melaksanakan program dan aktiviti yang bermanfaat kepada ahli-ahli, pemain industri dan masyarakat.

BIL	NAMA	JAWATAN
1.	Zuraida Jomri	Ketua Pegawai Eksekutif
2.	Abdullah Abu	Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif
3.	Norhadi Md Yusof	Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif
4.	Siti Khadijah Mohd	Pengurus Kanan
5.	Siti Ohara Hamdan	Pengurus
6.	Umran Ahmad Ropie	Pengurus
7.	Nabila Syafifi Rosslan	Pengurus
8.	Nurul Ain Mohamad	Pengurus
9.	Bayani Salihah Ibrahim	Penolong Pengurus
10.	Muhammad Adam Abdul Jaffar	Penolong Pengurus
11.	Logarasan A/L Anbaran	Penolong Pengurus
12.	Muhammad Arif Bidin	Penolong Pengurus
13.	Fabian Sulau Anak Jamu	Penolong Pengurus
14.	Ain Nur Fazrina Mohd Yusof	Penolong Pengurus
15.	Muhammad Asri Ruzaiman	Penolong Pengurus
16.	Nur Aqilah Mohd Ridzuan	Pelatih Pengurusan
17.	Ahmad Adib Mustafa	Pelatih Pengurusan
18.	Rafel Zichry Onn Mohamad Rhiza	Pelatih Pengurusan

CARTA ORGANISASI



PASUKAN SEKRETARIAT



DARI KIRI

Fabian Sulau Anak Jamu
Penolong Pengurus

Umran Ahmad Ropie
Pengurus

Nurul Ain Mohamad
Pengurus

Ain Nur Fazrina Mohd Yusof
Penolong Pengurus

Siti Khadijah Mohd
Pengurus Kanan

Muhammad Asri Ruzaiman
Penolong Pengurus

Norhadi Md Yusof
Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif

Bayani Salihah Ibrahim
Penolong Pengurus

Logarasan A/L Anbarasan
Penolong Pengurus



Zuraida Jomri
Ketua Pegawai Eksekutif

Muhammad Adam Abdul Jaffar
Penolong Pengurus

Abdullah Abu
Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif

Muhammad Arif Bidin
Penolong Pengurus

Siti Ohara Hamdan
Pengurus

Nur Aqilah Mohd Ridzuan
Pelatih Pengurusan

Nabila Syafifi Rosslan
Pengurus

Rafel Zichry Onn Mohammed Rhiza
Pelatih Pengurusan

Ahmad Adib Mustaffa
Pelatih Pengurusan


RINGKASAN KEWANGAN

Prestasi kewangan Persatuan Francais Malaysia (MFA) secara keseluruhannya mencatatkan lebih pendapatan sebanyak RM42 ribu pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024. Berbanding tahun 2023, prestasi kewangan ini menunjukkan sedikit peningkatan, yang dipengaruhi oleh peningkatan pendapatan dan perbelanjaan.

Secara keseluruhan, pendapatan dan perbelanjaan MFA melibatkan pelaksanaan aktiviti yang dibiayai sepenuhnya oleh MFA atau program-program yang dianjurkan secara kerjasama, di mana perolehan diterima daripada pihak kementerian atau agensi yang terlibat.

Dana Terkumpul

Dana terkumpul MFA meningkat kepada RM1.47 juta berbanding RM1.43 juta pada tahun sebelumnya dan ini menunjukkan kewangan MFA berada pada tahap yang lebih baik berbanding tahun 2023.




RINGKASAN PRESTASI KEWANGAN 5 TAHUN

(Dalam RM' Juta)

	2024	2023	2022	2021	2020
Pendapatan	6.66	5.15	5.18	3.68	2.15
Perbelanjaan	6.62	5.11	5.07	3.62	2.50
Lebihan/Kurangan	0.04	0.04	0.11	0.06 -	0.35
Dana Terkumpul	1.47	1.43	1.39	1.27	1.21
Hartanah, Loji & Peralatan	0.23	0.26	0.35	0.40	0.50
Aset Semasa	3.91	4.64	4.22	8.93	3.30
Liabiliti Semasa	2.67	3.48	3.18	8.08	2.59
Aset Semasa Bersih	1.24	1.16	1.04	0.85	0.71
Aset Bersih	1.47	1.42	1.39	1.25	1.21
Nisbah Semasa	1.47	1.33	1.33	1.11	1.27

STATISTIK KEAHLIAN

327
AHLI BIASA



192
AHLI
BERSEKUTU

23
LAIN-LAIN

JUMLAH
543

MANFAAT KEAHLIAN

Manfaat keahlian MFA adalah direka khusus untuk dimanfaatkan oleh ahli-ahli bagi menyokong dan memperkasakan pembangunan perniagaan mereka, khususnya dalam memperluas potensi dan pertumbuhan francais di peringkat tempatan dan antarabangsa. Antara manfaat keahlian adalah:

Pengiktirafan Industri

Meningkatkan kredibiliti dan kepercayaan dalam kalangan pemain industri serta potensi pelabur atau francais.

Peluang Jaringan Perniagaan

Menyertai sesi 'networking', forum industri, dan acara yang memperluas rangkaian perniagaan anda.

Perkhidmatan Sokongan

Khidmat nasihat dan bimbingan dalam aspek pembangunan perniagaan, pematuhan undang-undang dan lain-lain.

Sumber Rujukan

Akses kepada laporan pasaran, direktori industri, dan bahan-bahan informasi eksklusif.

Dan Banyak Lagi

Pelbagai kelebihan tambahan yang sentiasa dikemas kini mengikut keperluan dan perkembangan industri.



Akses kepada Program Pendidikan dan Pembangunan

Peluang menyertai kursus, bengkel, seminar dan latihan yang dirangka khusus untuk pembangunan profesional.

Diskaun Khas

Nikmati potongan harga eksklusif untuk penyertaan acara, penerbitan, iklan, dan lain-lain perkhidmatan yang ditawarkan.

Platform Promosi

Peluang mempromosikan perniagaan melalui saluran media rasmi, media social dan bahan penerbitan yang boleh mencapai lebih 30,000 capaian.

Program Pengantarabangsaan

Peluang menyertai program Misi Perdagangan Antarabangsa ke negara-negara terpilih setiap tahun.

PENYERTAAN AHLI BAHARU



- | | |
|-------------------------|-------------------------------------|
| 1. Acson | 14. Headmistress |
| 2. Al-Sultan Restaurant | 15. Kumon Method of Learning |
| 3. Beard Brothers | 16. Mark's Food Solutions |
| 4. Cluodretail | 17. Merchtrade |
| 5. Coolshield | 18. Messrs Pathma Raj Ramasamy & Co |
| 6. DN Group | 19. Neo Expo Promosindo |
| 7. D'Sara Fried Chicken | 20. Oyen De Koko |
| 8. E-Ions | 21. PIE Global Consulting |
| 9. Good Taste Malaysia | 22. Shu Da Xia Hotpot |
| 10. Gourmet | 23. Sweetspa |
| 11. Hachicken Ramen | 24. Vanilla Crepe |
| 12. Happy Hive | 25. Yamaha Music (Malaysia) |
| 13. Happy Potato | |

*Sehingga Disember 2024




SOROTAN AKTIVITI 2024

- PROJEK BUNGA RAYA
- PROGRAM PENGANTARABANGSAAN
- PROGRAM LATIHAN DAN PENDEDAHAN FRANCAIS
- PROGRAM SOKONGAN KEAHLIAN
- PROGRAM PROMOSI FRANCAIS
- PROGRAM PENGURUSAN PENTADBIRAN

PROJEK BUNGA RAYA

Projek Hibiscus telah dilaksanakan pada Mei 2024 sebagai inisiatif bersepadu yang menghimpunkan beberapa program utama anjuran Persatuan Francais Malaysia (MFA), termasuk Mesyuarat Tahunan Asia Pacific Franchise Confederation (APFC) & World Franchise Council (WFC), Pameran dan Persidangan Francais Antarabangsa Malaysia (FIM), Franchise In-Buying Mission (FIBM),

serta Malam Anugerah Francais (MAF). Projek berskala antarabangsa ini telah menjadi platform strategik untuk menjalin rangkaian kerjasama dan mempromosi peluang pelaburan, dengan kehadiran delegasi dari lebih 20 negara. Hasilnya, ia berjaya mencatatkan potensi pelaburan dalam sektor francais melebihi RM700 juta.





PROGRAM PENGANTARABANGSAAN

MFA telah melaksanakan beberapa siri misi perdagangan antarabangsa (Trade Mission) dan misi khas perdagangan (Specialized Business Mission) di negara-negara strategik terpilih seperti Thailand, Singapura, United Kingdom, Arab Saudi, UAE, Indonesia, Filipina dan Taiwan sebagai usaha untuk mempromosikan jenama francais tempatan di pasaran global. Inisiatif ini bukan sahaja membuka peluang kepada penggiat industri francais tempatan untuk mengembangkan rangkaian perniagaan mereka ke luar negara, malah turut memperkukuh daya saing industri francais Malaysia di peringkat antarabangsa. Program ini dilaksanakan di bawah Program Pengukuhan Francais bagi Meningkatkan Eksport (EFDP) serta program pembangunan francais yang dikendalikan oleh MFA. Usaha ini telah menjana nilai jualan francais melebihi RM200 juta dan memberi impak yang signifikan terhadap pertumbuhan industri francais negara.



PROGRAM LATIHAN DAN PENDEDAHAN FRANCAIS



Program Latihan Francais merupakan antara inisiatif teras yang telah dilaksanakan secara konsisten oleh Persatuan Francais Malaysia (MFA) sejak penubuhannya. Selain mempromosikan industri francais, MFA turut memainkan peranan penting dalam memperkasa ilmu dan kesedaran masyarakat mengenai konsep serta potensi perniagaan francais. Usaha ini secara langsung

menggalakkan penyertaan lebih ramai usahawan dalam sektor ini. Pada tahun 2024, MFA telah menganjurkan lebih daripada 10 siri latihan, merangkumi latihan asas pengetahuan francais sehinggalah ke tahap latihan berkemahiran, bagi melahirkan usahawan dan penggiat industri francais yang berdaya saing dan berpengetahuan.



PROGRAM SOKONGAN KEAHLIAN

MFA telah menganjurkan program pembangunan francais di peringkat domestik melalui penganjuran National Franchise Expo (NFX) di Kedah, selain turut menyertai siri jelajah ekspso anjuran Kementerian dan agensi kerajaan lain. Antaranya termasuk Bulan Koperasi Kebangsaan Peringkat Negeri Perlis anjuran Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), Program MADANI Negeri Sabah anjuran Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), serta Malaysia International Halal Showcase (MIHAS) anjuran MATRADE.

Selain itu, turut secara aktif menganjurkan aktiviti libat urus secara berkala bersama ahli-ahli MFA bagi mendapatkan maklumat terkini mengenai operasi perniagaan mereka serta mengenal pasti isu dan cabaran yang dihadapi. Maklumat ini penting untuk dikemukakan kepada pihak berkaitan seperti Kementerian, agensi dan badan berkepentingan lain, selari dengan peranan MFA sebagai penghubung utama antara penggiat industri dan pihak berkuasa.

Tambahan pula, MFA juga menyediakan pelbagai bentuk sokongan kepada ahli melalui sesi kaunseling dan rundingan, termasuk inisiatif seperti Counselling or Conciliation Services dan MFA Legal Clinic. Perkhidmatan ini bertujuan membantu ahli menangani pelbagai isu, antaranya berkaitan perjanjian francais, proses pendaftaran serta hal-hal perundangan dan pentadbiran yang berkaitan dengan perniagaan francais.



PROGRAM PENTADBIRAN

Bagi memastikan pentadbiran yang efisien dan berkesan, MFA turut melaksanakan pelbagai program berkaitan pentadbiran dan pengurusan sumber manusia yang melibatkan Ahli Jawatankuasa serta sekretariat. Program-program ini bertujuan untuk membina jati diri, memupuk semangat kerjasama, dan menyelaraskan tindakan selaras dengan hala tuju yang telah ditetapkan.

Antara aktiviti yang telah dianjurkan termasuklah Kem Bina Jati Diri (Team Building), Majlis Berbuka Puasa, Jamuan Makan, Mesyuarat Agung Tahunan, Leaders Meeting, dan pelbagai lagi inisiatif yang menyumbang kepada pengukuhan pasukan serta kecemerlangan organisasi.





LAPORAN KEMAJUAN BAGI PROGRAM & AKTIVITI TAHUN 2024

- Penglibatan Dengan Industri
- Program Kerjasama
- Pengurusan Acara & Program Latihan
- Sokongan Keahlian
- Promosi & Pengiklanan

PENGLIBATAN DENGAN INDUSTRI

SESI PENGLIBATAN BERSAMA AHLI


Perjumpaan bersama Ahli

Program ini telah dilaksanakan oleh MFA sepanjang tahun 2024. Aktiviti-aktiviti ini membolehkan MFA untuk memantau perkembangan terkini, mengenal pasti permasalahan yang dihadapi, serta memperkukuh hubungan antara ahli dan persatuan. Sepanjang tahun tersebut, MFA telah mengadakan perjumpaan dengan 81 ahli. Antara aktiviti yang dijalankan termasuk Sesi Teh Tarik, kunjungan ke outlet ahli, perjumpaan secara berkumpulan, dan aktiviti lain yang setara. Antara ahli yang terlibat dalam sesi perjumpaan ini adalah Smart Reader Worldwide, Harta Maintenance Sdn Bhd, Revenue Valley Sdn Bhd, QC Group Sdn Bhd, Kopitiam Asia Pacific Sdn Bhd, Siti Khadijah Apparel Sdn Bhd, Ezzybucks Sdn Bhd, Imika Empire Sdn Bhd dan SACC Food Chain Sdn Bhd.

Keahlian Ahli Baru

Pada tahun 2024, keahlian yang telah diluluskan adalah sebanyak 27 ahli berbanding 31 ahli pada tahun 2023. Walau bagaimanapun, banyak syarikat sama ada francais atau bukan francais menghubungi MFA dan berminat untuk mengetahui aktiviti dan sokongan yang ditawarkan oleh MFA.

BILANGAN AHLI MENGIKUT KATEGORI



Jemputan Penyertaan Kepada Ahli

MFA telah menerima permintaan daripada badan kerajaan, agensi kerajaan, badan bukan kerajaan dan sebagainya untuk memanjangkan maklumat dan jemputan penyertaan kepada ahli-ahli MFA

TARIKH	AKTIVITI
1 Julai 2024	Penyertaan B-Ready Engagement - Pillar 3: Efficiency of Labor Regulations and Public Services in Practice of the B-Ready initiative oleh Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)
9 Julai 2024	Penyertaan "Spotlight on the German Market" oleh The German Franchise Association.
30 Julai 2024	Penyertaan Tinjauan Implimentasi ESG dalam Kalangan Perusahaan Kecil dan Sederhana (SME) di Malaysia, oleh Universiti Malaysia sehingga 30 Julai 2024.
6 Ogos 2024	Sesi Dialog Belanjawan 2025 oleh Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP)
29 Ogos 2024	Maklum Balas (Isu & Cadangan) Berkaitan Industri Francais bagi Mesyuarat Lembaga Penasihat Francais oleh Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP)
4 Sept 2024	Tinjauan Ringkas Inisiatif MYMEAL Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dengan Kerjasama Kementerian Pembangunan oleh Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) & Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)

TARIKH	AKTIVITI
10 Sept 2024	Penyertaan ke Buy Korean Food (BKF) 2024 oleh Food and Rural Affairs & Korea Agro - Fisheries & Food Trade Corporation
15 Sept 2024	Penyertaan ke The Future of Franchising in 2025 oleh Malaysia Retail Chain Association (MRCA)
27 Dis 2024	Penyertaan "Survey: Select USA Briefing 2025" oleh U.S Embassy, Kuala Lumpur

Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke – 29

Program ini merupakan aktiviti tahunan MFA dan diadakan bertujuan untuk membentangkan aktiviti tahun sebelumnya, meluluskan penyata kewangan teraudit bagi tahun sebelumnya, membincangkan dan meluluskan usul dan pindaan Undang-Undang Tubuh serta melantik Juruaudit Dalaman MFA.

Mesyuarat Agung Tahunan Kali ke-29 telah diadakan pada 26 Jun 2024 bertempat di Seri Pacific Hotel, Kuala Lumpur dengan dihadiri oleh 96 wakil ahli. Laporan Kemajuan Aktiviti tahun 2023 dan Laporan Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2023 telah dibentangkan dan diterima oleh Ahli Mesyuarat. Laporan Kemajuan Aktiviti tahun 2023 dan Laporan Kewangan bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2023 telah dibentangkan dan diterima oleh Ahli Mesyuarat. Pada mesyuarat tersebut, terdapat satu cadangan pindaan Undang-undang iaitu Fasal 2(4) dibawah tajuk Nama, Lambang dan Tempat Urusan. Cadangan telah diterima sebulat suara dan ahli mesyuarat telah menyokong cadangan pindaan undang-undang tersebut.

SESI PENGLIBATAN BERSAMA POTENSI AHLI

Program ini merupakan salah satu program utama keahlian yang bertujuan untuk merekrut keahlian baru dan mempromosikan peranan dan aktiviti MFA kepada organisasi lain disamping mewujudkan hubungan mesra di kalangan pihak industri.

Antara aktiviti yang dilaksanakan adalah lawatan outlet sama ada secara bersemuka adi Pejabat MFA atau Pejabat atau secara atas talian. Pada tahun 2024, sebanyak 11 program telah diadakan kepada potensi ahli. Antara perkongsian daripada program ini adalah tatacara untuk menjadi francaisor, proses pendaftaran francais, manfaat dan proses keahlian MFA, aktiviti anjuran MFA serta maklumat francais secara umum. Selain itu, MFA juga terlibat secara aktif menyertai program atau pameran dalam negara bagi mempromosi dan mendapatkan keahlian baharu.

PENGLIBATAN DENGAN KEMENTERIAN DAN AGENSI

Kunjungan Hormat ke Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP)

Sepanjang tahun 2024, sebanyak dua (2) kunjungan hormat telah diadakan bagi membincangkan isu berkaitan pembangunan francais, menjalin kerjasama strategik, dan memastikan inisiatif pembangunan francais terus berkembang dengan sokongan kementerian. Pada 29 Mac 2024, kunjungan hormat telah dilakukan kepada YBhg. Dato' Sri Suriani binti Dato' Ahmad, Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP). Kunjungan hormat ini telah diketuai oleh Pengerusi MFA, YBhg Datuk Dr Radzali Hassan.

Pada 12 Jun 2024, MFA turut mengadakan kunjungan hormat kepada YB Dato' Ramanan Ramakrishnan, Timbalan Menteri KUSKOP, sebagai sebahagian daripada usaha memperkukuhkan kerjasama strategik. Kunjungan hormat ini telah diketuai oleh YBhg Datuk Dr Radzali Hassan.

Lembaga Penasihat Francais

Lembaga Penasihat Francais (LPF) telah ditubuhkan mengikut Akta Francais 1998 dengan pelantikan ahli untuk tempoh 2024-2026. MFA telah dilantik sebagai salah satu ahli lembaga. Selain itu, wakil industri francais yang juga ahli MFA yang dilantik adalah Encik Kairul Azman (Marrybrown) dan Encik Wan Khairul (Seoul Garden). Mesyuarat Lembaga Penasihat Bil.1/2024 telah diadakan pada 28 November 2024 yang dihadiri oleh wakil MFA iaitu Encik Deric Yeo, Setiausaha Agung MFA dan turut dihadiri oleh Puan Zuraida Jomri, Ketua Pegawai Eksekutif MFA. Agenda mesyuarat adalah menjelaskan fungsi dan peranan Lembaga Penasihat Francais serta pembentangan kertas kerja daripada Pernas dan MFA.

Inisiatif Pendapatan Rakyat – Inisiatif Operator Perkhidmatan (IKHSAN)

MFA telah dijemput untuk menyertai Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR) oleh Kementerian Ekonomi yang telah dilancarkan pada 26 Februari 2023. Tujuan inisiatif ini adalah untuk meningkatkan pendapatan golongan miskin tegar, miskin dan B40 bagi menjana pendapatan yang mampan. Inisiatif ini melibatkan kerjasama antara Kerajaan, rakyat dan rakan-rakan strategik melalui pendekatan holistik selaras dengan pendekatan keseluruhan negara atau *whole-of-nation approach* dalam usaha menangani kemiskinan dan ketidaksaksamaan di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021-2025 (RMKe-12) serta prinsip Ihsan dalam Kerangka Dasar MADANI. Sehubungan itu, MFA telah dijemput menghadiri Mesyuarat Hala Tuju Inisiatif Pendapatan Rakyat – Inisiatif Operator Perkhidmatan (IKHSAN) tersebut pada 2 April 2024 di Kementerian Ekonomi. Wakil MFA adalah En Abdullah Abu dan En Mohammad Adam Abd Jaafar. Rentetan daripada mesyuarat ini, jemputan bagi penyertaan program telah dipanjangkan kepada ahli-ahli MFA.

Belanjawan Negara 2025

MFA telah menghadiri Majlis Libat Urus Belanjawan 2025 pada 9 Julai 2024 di Kementerian Kewangan. Program ini merupakan platform Kementerian Kewangan untuk mendapatkan input dan pandangan daripada pelbagai pihak berkepentingan dalam penyediaan Belanjawan tahun 2025. Selain itu, MFA juga telah dijemput ke Sesi Dialog Belanjawan 2025 oleh Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) pada 6 Ogos 2024 di Bank Rakyat bagi memberi input dan cadangan kepada pihak Kementerian dalam menyediakan Bajet 2025. Jemputan ini telah dipanjangkan kepada ahli-ahli MFA dan telah dihadiri oleh Dr Chris Chew (UCMAS), Dr Ramli (Fatninja), En Paul Ang (Laundrybar), Pn Wong Jin Nee (Merss Wong Jin Nee & Teo) dan En Kairul Azman Mohd Yusoh (Marrybrown). Wakil MFA adalah Pn Zuraida Jomri, En Abdullah Abu dan En Norhadi Md Yusof.

Bengkel Pemurnian Dasar Francais Nasional 2030 (DFN2030)

MFA telah dijemput oleh Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) untuk menghadiri Bengkel Pemurnian Dokumen Dasar Francais Nasional 2030 (DFN2030) pada 16 Julai 2024 di Hotel Dorsett, Putrajaya bagi menyemak dan memurnikan kerangka dan Penulisan DFN2030. Wakil MFA yang menyertai Bengkel ini adalah Prof Dr Mohd Hizam Hanafiah, En Khalek Awang, Pn Wong Jin Nee, Pn Zuraida Jomri, En Abdullah Abu dan En Norhadi Md Yusof.

Hawa Malaysia - Majlis Perasmian Program Women In Trade & Industry (WITI)

MFA telah menghadiri Majlis Perasmian Program Women In Trade & Industry (WITI) pada 23 Julai 2024 bertempat di Menara MITI. Program yang dianjurkan oleh Kementerian Pelaburan Perdagangan dan Industri (MITI) dan Hawa Malaysia ini bertujuan untuk mewujudkan peluang usahawan wanita dalam mengembangkan perniagaan mereka di dalam industri eksport. MFA telah diwakili oleh Pn Zuraida Jomri, En Abdullah Abu, En Norhadi Md Yusof dan Cik Nabila Syafifi Rosslan.

Inisiatif Pengiktirafan MyMeal

MFA telah bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan KUSKOP bagi menghebahkan pelaksanaan Inisiatif Pengiktirafan MyMeal bagi mengiktiraf menu makanan sihat yang menepati konsep Suku Suku Separuh serta disertakan air kosong pada harga berpatutan. Inisiatif ini bertujuan meningkatkan akses kepada makanan sihat di premis makanan, memudahkan pengguna mengenal pasti pilihan yang sihat ketika makan di luar, serta membantu mengurangkan masalah pemakanan dan penyakit tidak berjangkit. Premis yang menyertai akan menerima sijil dan logo MyMeal untuk dipamerkan bersama senarai menu yang terlibat. Hebahan telah dilakukan kepada semua ahli MFA pada bulan September 2024. Sebelum itu, MFA telah terlibat sama dalam sesi taklimat secara atas talian dengan Bahagian Pemakanan, Kementerian Kesihatan pada 31 Julai 2024. Wakil MFA yang menghadiri taklimat adalah En Mohamad Adam Abd Jaafar.

Bulan Koperasi Kebangsaan (Perlis)

MFA telah menerima jemputan dari Suruhanjaya Koperasi Malaysia untuk menyertai pameran yang diadakan sempena Bulan Koperasi Kebangsaan. Pameran ini telah diadakan pada 5 hingga 7 Julai 2024 bertempat di Kompleks Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Perlis. MFA telah diwakili oleh YBhg Dato' Zahriah Abd Kadir dan Sekretariat. Program ini diadakan bagi memberi pengiktirafan sumbangan sektor koperasi kepada pembangunan sosio-ekonomi negara, mengiktiraf koperasi sebagai entiti Social Solidarity Enterprise (SSE) yang bertindak sebagai ejen penyatuan sosial dan masyarakat serta mempromosikan konsep berkoperasi sebagai satu institusi keusahawanan. MFA turut serta dalam program ini bagi mempromosikan dan mendidik orang ramai mengenai industri francais serta menghebahkan peranan dan aktiviti yang dilaksanakan oleh MFA.

Program Madani Rakyat (PMR) Zon Sabah

Penganjuran PMR bertujuan memberi peluang kepada peniaga tempatan untuk mempromosikan perniagaan dan produk mereka. Selain itu, program ini juga bertujuan memberi pendedahan berkenaan perkhidmatan yang ditawarkan oleh pihak kerajaan. Program ini dirasmikan oleh Datuk Seri Anwar Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia pada 18-20 Oktober 2024 bertempat di Perkarangan Stadium Likas, Sabah.

Kunjungan daripada Wakil Kedutaan Perancis di Malaysia

MFA telah menerima kunjungan Encik Romain Gaillac daripada Business France, Kedutaan Perancis di Malaysia pada 27 November 2024. Beliau diiringi oleh pasukan pengurusan kanan IXINA, jenama dapur terkemuka dari Eropah, dengan tujuan untuk meneroka potensi kerjasama dan peluang dalam landskap francais di Malaysia.

PENGLIBATAN DENGAN PERSATUAN DAN ORGANISASI LAIN

World Franchise Council (WFC) dan Asia Pacific Franchise Confederation (APFC)

Bagi tahun 2024, Malaysia telah menjadi tuan rumah bagi pelaksanaan mesyuarat WFC dan APFC buat kali kelima. Mesyuarat telah diadakan pada 27-29 Mei 2024 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC).

APFC merupakan sebuah pertubuhan antarabangsa yang terdiri daripada persatuan francais di sekitar Asia Pasifik dan telah ditubuhkan pada tahun 1998. Tujuan penubuhannya adalah bagi menyediakan forum untuk bertukar pengalaman, maklumat dan pandangan dalam industri francais di negara masing-masing di samping meningkatkan saluran komunikasi di antara setiap ahli persatuan. Penubuhan APFC ini telah didaftarkan di Pendaftar Pertubuhan di Malaysia. MFA telah menganggotai APFC sejak 1998 dan pernah dilantik sebagai sekretariat pada tahun 1998 sehingga tahun 2014. MFA juga dilantik sebagai Bendahari APFC dari tahun 2009 sehingga kini.

WFC merupakan sebuah pertubuhan antarabangsa yang terdiri daripada 48 Persatuan Francais seluruh dunia yang telah ditubuhkan pada tahun 1994. Tujuan penubuhannya adalah bagi menyediakan forum untuk bertukar pengalaman, maklumat dan pandangan dalam industri francais di negara masing-masing di samping meningkatkan saluran komunikasi di antara setiap ahli persatuan. MFA telah menganggotai WFC sejak tahun 1998 dan pernah dilantik sebagai Sekretariat *Legal Affair* untuk sesi 2013 sehingga 2015.

Mesyuarat Asia Pacific Franchise Confederation (APFC) 2024

Mesyuarat telah diadakan pada 27 Mei 2024 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) dan dihadiri oleh 10 negara iaitu Malaysia, Filipina, Indonesia, Thailand, Taiwan, China, Korea, Singapura, United Arab Emirates, New Zealand. Antara perkara yang dibincangkan adalah seperti berikut:

- Perkongsian amalan terbaik berkenaan pelaksanaan halal dan kelestarian dalam sektor francais
- Laporan kewangan tahun 2023
- Laporan aktiviti webinar dan padanan perniagaan
- Pindaan undang-undang
- Perlantikan sekretariat APFC tahun 2025 iaitu PFA
- Pemilihan tuan rumah tahun 2025 iaitu Indonesia dan tahun 2026 iaitu Taiwan.

Mesyuarat World Franchise Council (WFC) Bil1/2024

Mesyuarat telah dihadiri daripada 21 buah negara iaitu Malaysia, Mexico, EFF, APFC, Britain, Brazil, Canada, China, Guatemala, Croatia, FIAF, Indonesia, Korea, Venezuela, United State of America, United Arab Emirates, Taiwan, Singapore, Portugal, Philippines, New Zealand. Turut hadir sebagai pemerhati pada mesyuarat kali ini adalah Thailand dan Vietnam. Antara perbincangan pada mesyuarat WFC kali ini ialah

- Pembentangan laporan kewangan
- Kelulusan penamatan keahlian India dan Denmark.
- Permohonan keahlian daripada Australia dan India (Persatuan baharu) perlukan maklumat lanjut sebelum diluluskan pada mesyuarat akan datang.
- Kelulusan Pembangunan Laman Web Baharu WFC oleh Canada.
- Cadangan Pindaan Perlembagaan WFC yang akan diputuskan pada Mesyuarat di Mexico.
- Perkongsian amalan terbaik berkenaan pelaksanaan Program Anugerah yang dilaksanakan oleh ABF dan BFA.
- Pembentangan dan Perbincangan Meja Bulat berkenaan strategi merekrut keahlian baharu, faedah keahlian dan pelaksanaan advokasi.
- Tuan Rumah bagi Mesyuarat kali ke-2 tahun 2024 iaitu Mexico, pada tahun 2025 iaitu USA dan Indonesia serta tahun 2026 iaitu Taiwan dan China.
- Pemilihan Jawatan bagi sesi 2024/2026 iaitu:
 - o Setiausaha Agung, Simon Bartholomew daripada Kesatuan Francais England (EFF)
 - o Timbalan Setiausaha Kewangan, Pip Wilkins daripada Britain
 - o Timbalan Setiausaha Undang-Undang, Cavaleiro Machado daripada Portugal
 - o Timbalan Setiausaha Komunikasi, Sherry McNeil daripada Kanada
 - o Timbalan Setiausaha Informasi, Alan Catlett daripada Amerika Syarikat
 - o Timbalan Setiausaha Kandungan dan Latihan, En Deric Yeo daripada Malaysia.

Mesyuarat World Franchise Council (WFC) Bil 2/2024

Mesyuarat WFC seterusnya telah diadakan pada 21-23 November 2025, bertempat di Merida Yucatan, Mexico. MFA telah diwakili oleh Setiausaha Agung, En Deric Yeo dan Ketua Pegawai Eksekutif, Pn Zuraida Jomri. Mesyuarat telah dihadiri daripada 22 negara. Antara hasil perbincangan ialah:-

- Kelulusan 3 ahli baharu - Peru, Costar Rica, El Salvador
- Pengekalan Penggantungan 2 ahli - Rusia dan Belarus
- Persetujuan penggunaan bendera negara di luar bilik mesyuarat WFC bagi negara tuan rumah tidak dipamerkan di dalam bilik mesyuarat.
- Mesyuarat WFC Bil 1/2025 akan diadakan pada 8-13 Februari 2025 bertempat di Las Vegas, USA.
- Tuan Rumah bagi Mesyuarat Bil2/2025 adalah Indonesia serta tahun 2026 iaitu Taiwan dan China.

Gulf Franchise Expo (Abu Dhabi, UAE)

Pihak Gulf Business Media Group telah menjemput Datuk Dr. Radzali bin Hassan, sebagai penceramah bagi persidangan antarabangsa yang berlangsung Le Royal Meridian Abu Dhabi, UAE pada 22 Feb 2024 bersempena Pameran Gulf Franchise 2024 yang telah berlangsung pada 22 Feb 2024. Pada program ini juga, YBhg. Datuk Dr. Radzali Hassan telah menerima anugerah *Hall of Fame* daripada pihak penganjur.

BVMW'S SME Future Day 2024, (Berlin, Germany)

MFA telah menyertai *BVMW's SME Future Day 2024* bersempena pameran francais utama di Germany pada 13 – 15 Mac 2024, di Berlin, Germany. Delegasi tersebut diketuai oleh Setiausaha Agung MFA, Encik Deric Yeo. Pameran ini juga menampilkan jenama francais Malaysia yang terkemuka, seperti MarryBrown dan Oldtown White Coffee. Selain pameran, acara ini juga menganjurkan aktiviti lain seperti Persidangan Antarabangsa, dan Padanan Perniagaan. Dengan menyertai pameran ini, MFA dapat mempromosikan jenama francais tempatan ke pasaran eropah.

Kunjungan daripada Persatuan Francais Morocco

MFA telah menerima kunjungan daripada Presiden Persatuan Francais Morocco, En Mohamad Elfane pada 20 Disember 2024 di Pejabat MFA. Perbincangan tertumpu kepada penerokaan peluang francais di Malaysia serta usaha membuka laluan kepada jenama Malaysia untuk menembusi pasaran Morocco. Minat bersama ini mencerminkan potensi pertumbuhan dan kerjasama dua hala.

Program Lawatan Industri daripada *Management and Science University (MSU)*

MFA telah menerima lawatan dari pihak MSU pada 20 November 2024 yang terdiri dari 2 orang pensyarah dan 10 orang pelajar dari kursus *Brand Building, Principle of Franchising* dan *Family Business and Entrepreneurship*. Tujuan lawatan mereka adalah untuk mendapat pendedahan dan pengetahuan francais dari pihak MFA yang dapat digunakan dalam silibus pembelajaran dan pengajaran mereka.

PENGLIBATAN DENGAN MEDIA

Lawatan ke media dilaksanakan untuk membincangkan kerjasama dengan pihak media dalam mempromosikan aktiviti tahunan MFA serta menjalinkan hubungan yang baik dengan pihak media. Hasil daripada aktiviti ini, MFA telah mendapatkan pakej harga terbaik untuk mempromosikan aktiviti anjuran MFA. Antara kerjasama yang dilaksanakan adalah sesi temu bual, iklan dan liputan acara.

Pada tahun 2024, MFA telah mendapat kerjasama dan komitmen daripada pelbagai saluran media dalam mempromosikan aktiviti MFA dan industri francais. Sebanyak 135 liputan berita daripada 19 saluran media mengenai francais, aktiviti ahli dan MFA telah disiarkan sepanjang tahun 2024. Butiran lanjut adalah seperti di jadual di bawah.

Platform Media Elektronik	
Bername Radio	RTM Nasional FM
China Press	RTM Selamat Pagi Malaysia
RTM Biz Malaysia	RTM Berita TV1
RTM Traxx FM	Star Media 988.fm

Platform Media Cetak / Media Digital	
Microsoft Start	AK Empire
KOL Musang King	Asia Franchise
Nabula News	Arab Franchise Magazine
Nanyang Siang Pau	Astro Awani
New Straits Times	Allegra World Coffee Portal
NKMH Media	Berita RTM
Nydot.com	Backstage
Oh Bulan!	Buletin Bernama
PR Newswire	Business Time
QSR Media	Bername.com
Siakap Keli	Berita RTM
Sinar Harian	Bername
Soya Cincau	BH Online
SLPR Worldwide	Business Today
The Borneo Post	Buletin TV3
The Star	Citizens Journal
The Sun	Dagang.News

Platform Media Cetak / Media Digital	
The Edge	Droad Solution
The Edge Malaysia	Farqhan.com
The Malaysian Reserve	Franchiseglobal.com
The Rakyat Post (TRP)	Free Malaysia Today
The Korea Times	Financial Coconut
Utusan Sarawak	Harakah Daily
Utusan Borneo	Kosmo!
Utusan Malaysia	Malaymail
Vulcan Post	Malaysia Gazette
Verdict Food Service	My Metro
World Coffee Portal	Marketing Interactive
1851 Franchise	Media Prima

Media Tempatan		Media Antarabangsa
Bernama	BFM Radio	Asiawide Franchise
Berita Harian	Hot FM	Big Orange Media Group
Harian Metro	RTM	Gulf Franchise Magazine
Kosmo!	Nanban	
The New Straits Times	Top 10 of Malaysia	
China Press	SME Magazine	
The Malaysian Reserve	Utusan Borneo	
Sin Chew Daily	Borneo Post	
Business Today	SLPR Worldwide	

PROGRAM KERJASAMA

PROGRAM PENGUKUHAN PEMBANGUNAN FRANCAIS UNTUK MENINGKATKAN EKSPORT (EFDP)

MFA dengan kerjasama Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA) dan Kementerian Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) telah melaksanakan Program Pengukuhan Pembangunan Francais Untuk Meningkatkan Eksport. MFA merupakan badan pelaksana bagi program EFDP dari tahun 2015 sehingga 2025. Tujuan utama program ini diadakan adalah untuk membantu para francais tempatan mengembangkan perniagaan ke peringkat antarabangsa. Berikut merupakan butiran lanjut mengenai Program Pengukuhan Pembangunan Francais yang dilaksanakan sepanjang tahun 2024.

MESYUARAT FRANEX

Mesyuarat Jawatankuasa Franchise Export (FRANEX) telah diadakan sebanyak empat (4) kali pada tahun 2024. Jawatankuasa Franchise Export (FRANEX) ini dianggotai oleh enam (6) organisasi iaitu, Kementerian Usahawan dan Koperasi (KUSKOP), Kementerian Kewangan Malaysia (MOF), Unit Perancang Ekonomi (EPU), Persatuan Francais Malaysia (MFA), Malaysia External Trade Development Corporation (MATRADE) dan juga Intellectual Property Corporation of Malaysia (MyIPO). Mesyuarat Jawatankuasa Franchise Export (FRANEX) untuk tahun 2023 telah diadakan seperti ketetapan di jadual bawah:-

Bil.	Perkara	Tarikh	Wakil MFA
1	Mesyuarat FRANEX Bil. 1/2024	13 Mei 2024, KUSKOP, Putrajaya	1. YBhg. Datuk Dr. Radzali Hassan 2. Pn. Zuraida Jomri 3. En. Norhadi Yusof 4. Pn. Nurizzatul Faiqah
2	Mesyuarat Jawatankuasa FRANEX Bil 2/2024	1 Julai 2024 KUSKOP, Putrajaya	1. YBhg. Datuk Dr. Radzali Hassan 2. En. Deric Yeo 3. Pn. Zuraida Jomri 4. En. Norhadi Yusof 5. Pn. Nurizzatul Faiqah 6. En. Logarasan
3	Mesyuarat Jawatankuasa FRANEX Bil 3/2024	30 September 2024 KUSKOP, Putrajaya	1. YBhg. Datuk Dr. Radzali Hassan 2. En. Deric Yeo 3. Pn. Zuraida Jomri 4. En. Norhadi Yusof 5. Pn. Nurizzatul Faiqah 6. En. Logarasan
4	Mesyuarat Jawatankuasa FRANEX Bil 4/2024	2 December 2024 KUSKOP, Putrajaya	1. YBhg. Datuk Dr. Radzali Hassan 2. En. Deric Yeo 3. En. Terry Lim 4. Pn. Zuraida Jomri 5. En. Norhadi Yusof

PROGRAM PADANAN PERNIAGAAN

Program padanan perniagaan ini dijalankan untuk mempromosikan syarikat-syarikat francais tempatan untuk menembusi pasaran antarabangsa sekaligus mendapat pendedahan bagaimana penembusan pasaran itu dilaksanakan. MFA sebagai badan pelaksana menjalankan misi-misi tersebut dibawah seliaan Jawatankuasa FRANEX yang di ketuai oleh Kementerian Pembangunan Usahawan & Koperasi (KUSKOP). Program misi ini dijalankan dengan menggunakan khidmat pihak MATRADE bagi segmen padanan perniagaan tersebut. Selain sesi padanan perniagaan tersebut, pengisian program adalah sesi meja bulat bersama Persatuan Francais Tempatan atau Dewan Perniagaan tempatan, lawatan pasaran dan outlet francais di negara tersebut.

a) Kuala Lumpur

MFA dan KUSKOP dengan kerjasama MATRADE telah menganjurkan program *Franchise In-Buying Mission* pada di KLCC, Kuala Lumpur bersempena Program FIM2024. Program ini dilaksanakan bagi membantu francais tempatan mengembangkan perniagaan ke luar negara. Sebanyak 25 syarikat francais tempatan dan 18 potensi pelabur daripada Emiriah Arab Bersatu, Arab Saudi, India, Taiwan, Kemboja dan Bangladesh telah menyertai program ini. Hasil program ini telah menjana jumlah potensi pelaburan sebanyak RM54 juta dengan 150 mesyuarat perniagaan.

b) Jakarta, Indonesia

MFA dan KUSKOP telah mengajurkan program padanan perniagaan ke Jakarta, Indonesia yang diadakan pada 9-12 Jun 2024. Program ini telah diketuai oleh YBrs Puan Noor Afifah Abd Razak, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) KUSKOP dan wakil MFA adalah En Kairul Azman bin Mohd Yusoh, Ahli Jawatankuasa Utama. Sebanyak 11 syarikat telah menyertai misi pada kali ini dengan jumlah potensi pelaburan sebanyak RM51,000,000.00.



c) Manila, Filipina

MFA dan KUSKOP telah menganjurkan Misi Padanan Perniagaan ke Manila, Filipina yang diadakan pada 23-26 Jun 2024. Program ini telah diketuai oleh YBrs Encik Chek Zainuddin Chek Jusof, Setiausaha Bahagian Pembangunan Francais dan Vendor, KUSKOP dan wakil MFA YBrs En Shukri Salleh, Naib Pengerusi. Sebanyak 4 syarikat telah menyertai misi pada kali ini dengan jumlah potensi pelaburan sebanyak RM18,666,000.00.



d) London, United Kingdom

MFA dan KUSKOP telah menganjurkan Misi Padanan Perniagaan ke London, United Kingdom yang diadakan pada 14-16 Ogos 2024. Program ini telah diketuai oleh YBhg. Dato' Sri Suriani binti Dato' Ahmad, Ketua Setiausaha KUSKOP dan wakil MFA adalah YBhg Datuk Radzali Hassan, Pengerusi. Sebanyak 6 syarikat telah menyertai misi pada kali ini dengan jumlah potensi pelaburan sebanyak RM34,140,000.00.



PAMERAN FRANCAIS ANTARABANGSA

MFA dan KUSKOP telah menganjurkan misi perdagangan antarabangsa di negara maju dan negara ASEAN bersama beberapa jenama francais terkemuka tempatan. Program ini merupakan salah satu program bantuan di bawah EPDF bagi membantu syarikat francais tempatan mengembangkan perniagaan ke luar negara. Selain menyertai pameran, para delegasi juga berkesempatan untuk menyertai Sesi Meja Bulat dengan Persatuan Francais Tempatan atau Dewan Perniagaan tempatan, lawatan outlet francais jenama Malaysia dan tempatan bagi mendapatkan maklumat terkini pasaran dan peluang perniagaan di sana. Maklumat misi perdagangan sepanjang tahun 2024 tersebut adalah seperti di bawah:


a) Bangkok, Thailand

MFA telah menyertai Misi Perdagangan ke Bangkok, Thailand yang diadakan pada 11-14 Julai 2024 di Thailand Franchise Business Opportunity 2024 (TFBO). Delegasi Misi Perdagangan ke Thailand ini telah diketuai oleh Yang Berhormat Datuk Ewon Benedick, Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) dan wakil MFA yang turut hadir ialah YBhg Datuk Dr Radzali Hassan. Sebanyak 10 syarikat telah menyertai misi pada kali ini dengan jumlah potensi pelaburan sebanyak RM22,221,600.00.



b) Singapura

MFA telah menyertai Misi Perdagangan ke Singapura yang diadakan pada 11-14 September 2024 di Franchising & Licensing Asia 2024. Delegasi Misi Perdagangan ke Singapura ini telah diketuai oleh YBhg Datuk Dr Radzali Hassan. Sebanyak 8 syarikat telah menyertai misi pada kali ini dengan jumlah potensi pelaburan sebanyak RM35,320,000.00.



c) Riyadh, Arab Saudi

MFA telah menyertai Misi Perdagangan ke Riyadh, Arab Saudi yang diadakan pada 5-9 November 2024 di BIBAN 24. Delegasi Misi Perdagangan ke Riyadh ini telah diketuai oleh Yang Berhormat Datuk Ewon Benedick, Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) dan wakil MFA yang turut hadir ialah En Terry Lim. Sebanyak 7 syarikat telah menyertai misi pada kali ini dengan jumlah potensi pelaburan sebanyak RM26,756,805.00.



d) Dubai, Emiriah Arab Bersatu (UAE)

MFA telah menyertai Misi Perdagangan ke Dubai, Emiriah Arab Bersatu (UAE) yang diadakan pada 17-20 November 2024 di MIHAS Dubai 2024. Delegasi Misi Perdagangan ke Dubai ini telah diketuai oleh YBrs En. Chek Zainuddin Bin Chek Jusoh, Setiausaha Bahagian, Bahagian Pembangunan Francais dan Vendor, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) dan wakil MFA yang turut hadir ialah YBhg Datuk Dr Radzali Hassan. Sebanyak 10 syarikat telah menyertai misi pada kali ini dengan jumlah potensi pelaburan sebanyak RM55,650,000.00.



e) MIHAS, Kuala Lumpur

MFA dan KUSKOP bersama-sama 14 syarikat francais tempatan telah menyertai pameran MIHAS Kuala Lumpur yang diadakan pada 17-20 September 2024 dengan jumlah potensi pelaburan yang dijana adalah sebanyak RM35,320,000.00. Pada program tersebut, YB Menteri Datuk Ewon Benedick telah merasmikan pavilion francais.



PROGRAM LATIHAN PENGANTARABANGSAAN

a) Sesi Taklimat Pasaran Antarabangsa *International Market Update Session (IMUS)*

Sesi Taklimat Pemasaran Antarabangsa pasaran Riyadh telah diadakan pada 23 November 2024 untuk berkongsi maklumat pasaran, maklumat kemasukan perniagaan francais dan maklumat lain yang berkaitan mengenai negara berkenaan sebelum Misi Perdagangan Antarabangsa dilaksanakan.

b) International Franchise Management Course

Program ini diadakan pada 23-24 Julai 2024 di Hotel Santa Grand Signature Kuala Lumpur dan merupakan antara program latihan yang penting dihadiri oleh syarikat francais yang ingin mengembangkan perniagaannya ke luar negara. Untuk memberi pendedahan awal kepada para usahawan francais mengenai aspek-aspek asas di dalam sistem francais sebelum ke menjalankan perniagaan ke luar negara. Selain itu, dengan adanya kursus ini ia dapat membantu golongan ini untuk menjadi lebih bersedia dari pelbagai aspek sebelum melibatkan diri dengan dunia perniagaan antarabangsa.

c) Grow Your Franchise Course

Program latihan ini telah diadakan pada 30-31 Julai 2024 di Hotel Royale Chulan Kuala Lumpur. Objektif program ini adalah untuk memberi pendedahan awal kepada para usahawan francais mengenai aspek-aspek asas di dalam sistem francais sebelum ke menjalankan perniagaan ke luar negara. Selain itu, dengan adanya kursus ini ia dapat membantu golongan ini untuk menjadi lebih bersedia dari pelbagai aspek sebelum melibatkan diri dengan dunia perniagaan antarabangsa.

d) Bengkel Penambahbaikan Modul Latihan Pengantarabangsaan Francais

Tujuan bengkel ini diadakan adalah untuk mengemaskini dan menambahbaik Modul Latihan Pengantarabangsaan Francais agar dapat disesuaikan dengan keperluan para francais yang ingin mengembangkan rangkaian ke peringkat antarabangsa. Bengkel ini dilaksanakan seperti butiran berikut :

Tarikh : 16 -18 Februari 2024

Tempat : Ideas Hotel KL

Latihan : International Francais Management & Grow Your Francais

Peserta : 24 Orang

Organisasi terlibat	:	1. MFA	4. Universiti Pendidikan Sultan Idris	7. Genius Aulad
		2. Kementerian Usahawan dan Koperasi (KUSKOP)	5. Universiti Kebangsaan Malaysia	8. Mokti
		3. Universiti Malaysia Pahang Al Sultan Abdullah	6. Gloria Jeans Coffee	9. Siti Khadijah
				10. Global Art

PENGURUSAN ACARA DAN PROGRAM LATIHAN

PENGURUSAN ACARA

Pada tahun 2024, Persatuan Francais Malaysia (MFA) telah mengambil langkah strategik dan berani dengan menganjurkan lima (5) program utama secara serentak pada bulan Mei. Inisiatif ini dilaksanakan bersempena Malaysia menjadi tuan rumah bagi Mesyuarat World Franchise Council (WFC) dan Asia Pacific Franchise Confederation (APFC) yang dianggotai oleh lebih 40 negara ahli. Pendekatan ini mencerminkan komitmen Malaysia untuk memperkukuh kedudukan sebagai hab francais serantau dan antarabangsa, serta mempromosikan jenama francais tempatan di pentas global. Elemen keunikan Malaysia turut diketengahkan menerusi penekanan terhadap nilai Halal, kepelbagaian budaya, serta pelancongan tempatan yang berdaya tarikan. Kelima-lima program berprestij ini telah berlangsung di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) seperti berikut:

- Mesyuarat WFC dan APFC: 27–29 Mei 2024
- Persidangan Francais Antarabangsa: 29 Mei 2024
- Padanan Perniagaan (FIBM): 29 Mei 2024
- Malam Anugerah Francais: 30 Mei 2024
- Pameran Francais Antarabangsa Malaysia (FIM2024): 30 Mei – 1 Jun 2024

Dalam memastikan kelancaran dan kejayaan keseluruhan penganjuran, MFA turut mendapat sokongan padu daripada penggiat industri melalui penajaan korporat. Penajaan ini membuktikan kepercayaan dan komitmen sektor swasta terhadap pembangunan industri francais negara. Senarai para penaja utama MAF2024 adalah seperti berikut:

- Pos2U Sdn Bhd (Q Solve)
- Ayam Penyet Bagus Sdn Bhd (Ayam Penyet Best)
- Marrybrown Sdn Bhd (Marrybrown)
- Harta Maintenance Sdn Bhd (Harta Rovers & Rangers)
- Kopitiam Asia Pacific Sdn Bhd (Oldtown White Coffee)
- Little Caliphs International Sdn Bhd (Little Caliphs)
- Perbadanan Keusahawanan Negeri Johor (PUJB)

Pelaksanaan serentak program-program ini bukan sahaja memperkukuh jaringan antarabangsa dalam industri francais, malah meningkatkan keterlihatan Malaysia sebagai destinasi pelaburan francais yang kompetitif dan berdaya saing.

Franchise International Malaysia 2024 (FIM2024): Pameran dan Persidangan Antarabangsa

FIM2024 yang telah berlangsung dari 29 Mei hingga 1 Jun 2024 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) telah disertai oleh 131 syarikat francais tempatan dan antarabangsa daripada 15 buah negara termasuk Amerika Syarikat, Arab Saudi, Australia, Belgium, China, Emriah Arab Bersatu, Filipina, Hong Kong, India, Itali, Jepun, Korea Selatan, Singapura, Taiwan, Thailand dan Malaysia sendiri.

FIM merupakan satu-satunya pameran francais berskala besar di Malaysia yang diiktiraf oleh World Franchise Council (WFC), Asia Pacific Franchise Confederation (APFC) dan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE).

Bertemakan *Network. Net Worth. Franchising*, FIM2024 telah berjaya menarik 29,130 pengunjung dengan potensi transaksi berjumlah RM716 juta. FIM2024 telah menarik minat pengunjung tempatan dari serata Malaysia dan pengunjung dari luar negara.

Selain daripada 204 buah reruai pada dewan pameran tersebut, program persidangan antarabangsa juga telah diadakan pada 29 Mei 2024, bertempat di Plenary Theatre, Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC). Sebanyak 8 topik telah dibincangkan yang melibatkan lebih 14 orang penceramah dalam persidangan kali ini. Seramai 247 peserta yang mengikuti program ini telah diberikan pendedahan mengenai perkembangan industri francais khususnya di peringkat global.

Program FIM2024 ini telah dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Zahid Bin Hamidi, Timbalan Perdana Menteri pada 30 Mei 2024 di Dewan 4&5, Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC), Kuala Lumpur. Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah diiringi oleh wakil KUSKOP dan MFA untuk mengunjungi ruang pameran para pempamer selepas Majlis Perasmian tersebut berlangsung.

Malam Anugerah Francais 2024 (MAF2024)

Program Malam Anugerah Francais 2024 telah berlangsung dengan meriahnya pada 30 Mei 2024 dengan kehadiran lebih 800 tetamu di Grand Ballroom, Pusat Konvensyen Kuala Lumpur. Majlis perasmian MAF2024 ini telah disempurnakan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, YB Datuk Ewon Benedick. Program ini dilaksanakan serentak pada Program FIM2024.

Majlis berprestij ini telah menobatkan QC Group Sdn Bhd atau dikenali sebagai Home Maths Therapy sebagai pemenang Anugerah utama, Francais Terbaik. Sebanyak 17 kategori telah dipertandingkan dalam Anugerah Francais Malaysia 2024 ini. Para pemenang telah dinilai oleh Jawatankuasa Pemilihan yang terdiri daripada wakil agensi atau badan professional yang terlibat dalam ekosistem francais. Antara badan yang terlibat termasuk wakil Universiti Awam, KPDM, KUSKOP, MPC, MYIPO, SSM, HDC, CGC, MATRADE dan PERNAS.

Pada malam itu, para tetamu telah dihiburkan oleh Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan dengan persembahan sketsa teater muzikal.

Senarai Pemenang Anugerah Francais 2024

ANUGERAH	PEMENANG
Francais Terbaik	QC Group Sdn Bhd (Home Maths Therapy)
Francaisor Terbaik	QC Group Sdn Bhd (Home Maths Therapy)
Francaisor Harapan Terbaik	Siti Khadijah Apparel Sdn Bhd (Siti Khadijah)
Francaisor Antarabangsa Terbaik	Global Art & Creative Sdn Bhd (Global Art)
Francaisi Single-Unit Terbaik	My Happy MB Sdn Bhd (Marrybrown)
Francaisi Multi-Unit Terbaik	Morningbridge Sdn Bhd (Marrybrown)
Francaisi Antarabangsa Single-Unit Terbaik	Mar Pictures Sdn Bhd (Gloria Jean's Coffees)
Francaisi Antarabangsa Multi-Unit Terbaik	High Oriental Sdn Bhd (Gloria Jean's Coffees)
Francaisi Harapan Malaysia Terbaik	Pusat Perkembangan Minda Jiwa Murni (Home Maths Therapy)
Majikan Francais Terbaik	Kopitiam Asia Pacific Sdn Bhd (Oldtown White Coffee)
Inovasi Francais Terbaik	Genius Aulad International Sdn Bhd (Genius Aulad)
Rakan Francais Terbaik	Karl Consult Sdn Bhd (Karl Consult)
Francais Lestari Terbaik	Kopitiam Asia Pacific Sdn Bhd (Oldtown White Coffee)
CSR Terbaik Ekosistem Francais	Bright Hill Islamic Montessori Sdn Bhd (Bright Hill)
Penulis Artikel Francais Terbaik	Nurul Asmawati Harun (Radio Televisyen Malaysia)
Artikel Francais Terbaik	Kasthuri K Manimaran (Malaysia Gazette)
Media Sosial Francais Terbaik	Bright Hill Islamic Montessori Sdn Bhd (Bright Hill)

Senarai Penerima Penghargaan Khas 2024

PENGHARGAAN KHAS	PENERIMA
Ahli Setia	Kyros International Sdn Bhd (Kyros Kebab)
	Smart Reader Worldwide Sdn Bhd (Smart Reader Kids)
	Senheng Electric (KL) Sdn Bhd (Senheng)
	King's Confectionery Sdn Bhd (Kings Bakery)
	Borneo Oil Berhad (Sugar Bun)
Organisasi	Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM)
Individu	Encik Khairuddin Yahya

National Franchise Expo 2024 (NFX2024)

National Franchise Expo Kedah 2024 telah diadakan pada 14 hingga 17 November 2024 bertempat di Alor Setar, Kedah, Malaysia. Pameran ini bertujuan untuk mempromosikan perniagaan francais dan memberi peluang kepada francaisor dan francaisi untuk berinteraksi, bertukar idea, dan menjalin kerjasama. Expo ini juga bertujuan untuk memperkenalkan peluang perniagaan francais kepada orang awam dan menggalakkan pelaburan dalam sektor ini. Program ini telah mendapat sokongan daripada Kerajaan Negeri Kedah dan Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah (PKNK). Pameran ini telah dirasmikan oleh YB Hj Abdul Ghafar Bin Saad, Adun Guar Chempedak. MFA telah diwakili oleh YBhg Dato' Zahriah Abd Kadir dan En Mohamad Shukri Salleh.

Selain pameran, turut diadakan taklimat francais dan Kuiz interaktif sepanjang 3 hari program berlangsung. Penyertaan daripada 13 pempamer iaitu MFA, KUSKOP, Laundry Bar, Coolblog, Tea Garden, Yumi Food, Genius Aulad, Midyson, D Sara Fried Chicken, Mail Boxes Etc., Oldtown White Coffee dan US Pizza. Jumlah potensi pelaburan sepanjang program berlangsung adalah sebanyak RM21,854,999.00.

Bengkel Anugerah Francais Malaysia 2024

Bengkel Anugerah Francais telah diadakan pada 19-21 Januari 2024 di Hotel Everly Putrajaya bagi membincangkan hal-hal berkaitan pencalonan anugerah francais. Objektif bagi pelaksanaan bengkel ini adalah untuk menambahbaik dan menilai semula kriteria penilaian bagi setiap kategori pencalonan Anugerah Francais. Penilaian semula dilakukan untuk membolehkan pemilihan pemenang dengan lebih telus dan berintergriti.

Perkhidmatan Media dan Acara

MFA juga menyediakan perkhidmatan pengurusan acara kepada ahli yang memerlukan bantuan dalam penganjuran acara bagi melaksanakan aktiviti atau pelancaran produk perniagaan. Kemudahan ini dibuat bagi membantu ahli untuk merancang dan menguruskan majlis atau acara yang hendak dilakukan. Perkhidmatan meliputi antaranya pembentukan atur cara yang unik dan menarik, kemahiran protokol, publisiti, sambutan, teknikal, persembahan dan muzik, makanan dan minuman, dekorasi, dan lain-lain yang berkaitan.

Selain itu, Perkhidmatan Pakej Media dibuat bagi membantu ahli untuk mempromosikan jenama syarikat mereka kepada umum melalui saluran komunikasi MFA dan media arus perdana. Perkhidmatan ini meliputi khidmat pengiklanan dan editorial di media elektronik, media cetak dan media digital, hebahan berita serta penganjuran sidang media. Pelbagai pakej disediakan mengikut keperluan syarikat. Selain itu, MFA juga menyediakan khidmat rekaan grafik dan penyediaan item promosi bagi tujuan ini. Perkhidmatan ini terbuka kepada ahli dan bukan ahli. Pada tahun 2024, tiga (3) perkhidmatan media telah diberikan dan butirannya seperti berikut:

- **Korean AT** pada 27 Mei 2024 - Hebahan untuk program business matching anjuran Korean AT sempena penyertaan pavilion Korea di FIM2024 dengan membuat hebahan poster melalui pakej Email Direct Marketing.
- **Little Master** pada 20 Ogos 2024 – Sesi temuramah bagi menghasilkan editorial bagi topik muka hadapan untuk dimuatkan dalam terbitan Franchise Mind Edisi 3/2024.
- **Laundrybar** pada 15 Oktober 2024 – Sesi temuramah bagi menghasilkan editorial bagi topik muka hadapan untuk dimuatkan dalam terbitan Franchise Mind Edisi 4/2024.

PROGRAM LATIHAN FRANCAIS

MFA telah melaksanakan sebanyak 12 Kursus Latihan sepanjang tahun 2024 yang merangkumi program Kursus Asas Perniagaan Francais, Kursus Bakal Perunding Francais, Kursus Bakal Francaisor, International Franchise Management, Grow Your Franchise dan Sesi Taklimat Pasaran Antarabangsa. Selain itu, MFA juga sering mendapat jemputan sebagai panel speaker atau penceramah bagi taklimat, sesi perkongsian pengalaman, maklumat terkini industri francais Malaysia, peluang perniagaan francais dan lain-lain berkaitan industri francais.

Kursus Asas Perniagaan Francais (KAPF)

Objektif program ini adalah untuk memberi peluang dan pengetahuan kepada bakal-bakal penggiat francais mengenai aspek-aspek asas dan kaedah penilaian daya-maju sesebuah perniagaan francais. Program ini turut menyediakan sesi perkongsian pengalaman bersama pihak francaisor dan francaisi terdiri daripada ahli – ahli MFA yang mana secara tidak langsung merupakan peluang mempromosikan perniagaan mereka kepada peserta yang hadir. Selain penglibatan francaisor dan francaisi dalam program ini, para penceramah yang dijemput juga terdiri daripada ahli persatuan seperti perunding- perunding francais, firma guaman dan wakil-wakil daripada institusi kewangan.

BIL	PROGRAM	TARIKH	TEMPAT
1	Kursus Asas Perniagaan Francais	30-31 Jan 2024	Menara Arina Uniti, Kuala Lumpur
2	Kursus Asas Perniagaan Francais	22-23 Jun 2024	Bilik Latihan MFA
3	Kursus Asas Perniagaan Francais	13-14 Ogos 2024	KIP Hotel
4	Kursus Asas Perniagaan Francais	26-27 Okt 2024	Bilik Latihan MFA
5	Kursus Asas Perniagaan Francais	17-18 Dis 2024	KIP Hotel Kuala Lumpur

Kursus Bakal Perunding Francais

Objektif Program adalah untuk meningkatkan kepakaran perunding francais dalam membimbing francaisor dan francais secara strategik, memberikan pendedahan praktikal dalam penyediaan dokumen, pembangunan konsep perniagaan dan sistem operasi francais yang berkesan, serta memantapkan pemahaman terhadap dasar dan peraturan kerajaan bagi memastikan pematuhan serta sokongan yang selari dengan hala tuju pembangunan industri francais.

BIL	PROGRAM	TARIKH	TEMPAT
1	Kursus Bakal Perunding Francais	23-24 Apr 2024	Hotel Santa Grand Signature, Kuala Lumpur
2	Kursus Bakal Perunding Francais	26-27 Nov 2024	Tamu Hotel and Suites

Kursus Bakal Francaisor

Objektif Program adalah untuk memberikan pemahaman menyeluruh mengenai francais, merangkumi konsep asas, persediaan perniagaan, dan pembangunan francais; membekalkan kemahiran praktikal dalam penyediaan dokumentasi, aspek perundangan, serta proses pendaftaran francais di Malaysia; dan mempersiapkan peserta dengan strategi pengurusan dan pemasaran yang berkesan bagi memastikan kejayaan dalam mengendalikan perniagaan francais secara mampan dan berdaya saing.

BIL	PROGRAM	TARIKH	TEMPAT
1	Kursus Bakal Francaisor	11-12 Mei 2024	Hotel Mercure Shaw Parade Kuala Lumpur
2	Kursus Bakal Francaisor	25-26 Sep 2024	Hotel Seri Pacific Kuala Lumpur

Program Latihan Antarabangsa

Program Latihan International Franchise Management, Grow Your Franchise dan Sesi Taklimat Pasaran Antarabangsa merupakan program kerjasama yang dilaksanakan di bawah program EFDP bagi menyediakan syarikat ke pasaran antarabangsa. Sebanyak 3 program telah diadakan sepanjang tahun 2024 dan butiran lanjut terdapat di laporan bahagian Program Kerjasama.

Jemputan sebagai Penceramah / Panel Program Latihan

Sepanjang tahun 2024, MFA telah dijemput sebagai panel speaker atau penceramah bagi beberapa program anjuran organisasi tempatan dan antarabangsa bagi mendidik dan berkongsi maklumat berkenaan sektor francais terkini.

BIL	PROGRAM	TARIKH	WAKIL MFA
1	Panel Speaker Persidangan bagi topik "Expanding GCC Brands to Malaysia as Hub for ASEAN Countries" anjuran Gulf Business Media Group	22 Feb 2024	YBhg Datuk Dr Radzali Hassan, Pengerusi MFA
2	Jemputan Penceramah Ke Bengkel Pencerahan Pendaftaran Dan Pematuhan Francais Bagi Konsultan Francais (Franchise Enlightenment Workshop-FEW)	26 Jun 2024	En Mohamad Shukri Salleh, Naib Pengerusi MFA

BIL	PROGRAM	TARIKH	WAKIL MFA
3	Perbincangan Meja Bulat topik "Franchising in Southeast Asia: Navigating Opportunities and Challenges" anjuran Franchising and Licensing Association (FLA)	13 Sep 2024	YBhg Datuk Dr Radzali Hassan, Pengerusi MFA
4	Perbincangan Panel topik "Overview and Business Opportunities of the Franchise Industry in Malaysia" anjuran Association of Chain and Franchise Promotion, Taiwan (ACFPT)	20 Sep 2024	En Deric Yeo, Setiausaha Agung MFA
5	Panel jemputan bagi Indonesia Francais Forum 2024 oleh Assosiasi Franchise Indonesia	8 Nov 2024	En Mohamad Shukri Salleh, Naib Pengerusi MFA
6	Penceramah jemputan bagi Program "The Future of Franchising in 2025" anjuran Malaysia Retail Chain Association	15 Nov 2024	En Daniel Sim, Ahli Jawatankuasa MFA
7	Knowledge Session On "Global Trends & Opportunities In Franchising" anjuran Indian Small Business & Franchise Association	3 Dis 2024	YBhg Datuk Dr Radzali Hassan, Pengerusi MFA

SOKONGAN KEAHLIAN

Program Enhance Members Benefit Program (EMBI)

Program ini diadakan adalah untuk menambahbaik keberkesanan penyampaian perkhidmatan kepada ahli disamping meningkatkan komunikasi dan perhubungan antara MFA dan ahli. Setiap sekretariat MFA akan dilantik sebagai Pegawai Perhubungan kepada 20-30 bilangan ahli. Pegawai ini bertanggungjawab untuk memaklumkan aktiviti terkini anjuran MFA, mendapatkan maklumbalas daripada ahli berkaitan isu semasa terkini serta mengeratkan hubungan di antara ahli dengan MFA.

Penyertaan Aktiviti Ahli

MFA telah menerima pelbagai jemputan untuk menghadiri program anjuran ahli dan akan dihadiri sama ada di kalangan Ahli Jawatankuasa Utama ataupun sekretariat. Butiran lanjut jemputan pada tahun 2024 adalah seperti berikut:

TARIKH	AKTIVITI
30 Jan 2024	Majlis Sambutan Tahun Baru Cina, Smart Reader Worldwide Sdn Bhd di Wisma Smart Reader
22 Mac 2024	Majlis Berbuka Puasa Harta Maintenance Sdn Bhd, di Kuala Lumpur.
27 Mac 2024	Majlis Berbuka Puasa Cambridge English For Life 2024 di Kuala Lumpur
19 Apr 2024	Majlis Perasmian Penjenamaan semula Francais Tony Roma's di IOI City Mall Putrajaya
21 Apr 2024	Majlis Perasmian Pejabat Urusan Baharu dan Rumah Terbuka Aidilfitri HOME di Pejabat Urusan HOME, QC Group Sdn Bhd, Ipoh Perak
27 Apr 2024	Anugerah Francais Genius Aulad 2024, Genius Aulad International Group Sdn Bhd, di Cyberview Resort & Spa, Cyberjaya
30 Apr 2024	Majlis Rumah Terbuka, Ri-Yaz Global Food Brands Sdn Bhd, di Cyberjaya
7 Mei 2024	Majlis Rumah Terbuka PERNAS di NEXUS Bangsar South
23 Mei 2024	Pembukaan Oldtown Heritage Centre di Ipoh, Perak.
31 Ogos 2024	Majlis Makan Malam Cambridge English For Life di M Resort & Hotel, Kuala Lumpur
13 Okt 2024	Majlis Anugerah Kecemerlangan HOME (HEA 2024) di QC Group Sdn Bhd, Ipoh, Perak
11 Nov 2024	Pembukaan Outlet Seoul Garden Korbi Grill Jaya Shopping Centre di Petaling Jaya Selangor
20 Nov 2024	Majlis Perasmian Laman Siti Khadijah - The Home of Siti Khadijah di Nilai, Negeri Sembilan

Jemputan Penyertaan Kepada Ahli

MFA telah menerima permintaan daripada badan kerajaan serta agensi-agensi kerajaan, badan bukan kerajaan dan sebagainya untuk memanjangkan maklumat dan jemputan penyertaan kepada ahli-ahli MFA dan butiran lanjut adalah seperti berikut;

TARIKH	AKTIVITI
1 Jul 2024	Penyertaan B-Ready Engagement - Pillar 3: Efficiency of Labor Regulations and Public Services in Practice of the B-Ready initiative oleh Perbadanan Productiviti Malaysia (MPC)
9 Jul 2024	Penyertaan "Spotlight on the German Market" oleh The German Franchise Association.
30 Jul 2024	Penyertaan Tinjauan Implimentasi ESG dalam Kalangan Perusahaan Kecil dan Sederhana (SME) di Malaysia, oleh Universiti Malaysia sehingga 30 Julai 2024.
6 Ogos 2024	Sesi Dialog Belanjawan 2025 oleh Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi
29 Ogos 2024	Maklum Balas (Isu & Cadangan) Berkaitan Industri Francais bagi Mesyuarat Lembaga Penasihat Francais oleh Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP)
4 Sep 2024	Tinjauan Ringkas Inisiatif MYMEAL Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dengan Kerjasama Kementerian Pembangunan oleh Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) & Kementeraian Kesihatan Malaysia (KKM)
10 Sep 2024	Penyertaan ke Buy Korean Food (BKF) 2024 oleh Food and Rural Affairs & Korea Agro - Fisheries & Food Trade Corporation
15 Sep 2024	Penyertaan ke The Future of Franchising in 2025 oleh Malaysia Retail Chain Association (MRCA)
27 Dis 2024	Penyertaan "Survey: Select USA Briefing 2025" oleh U.S Embassy, Kuala Lumpur

Surat Sokongan

MFA juga boleh menyediakan surat sokongan kepada ahli sekiranya diperlukan sebagai dokumen sokongan seperti surat sokongan permohonan perjalanan perniagaan, surat sokongan menjalankan kajian, penggunaan logo rasmi MFA, dan setara mengikut terma dan syarat.

Sokongan Promosi

Pada tahun 2024, MFA telah menyediakan program promosi produk dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh ahli melalui medium hebahan maklumat dan informasi kepada industri.

Konsultansi dan Info Servis

MFA menyediakan platform kepada para ahli dan orang ramai untuk mendapatkan penerangan mengenai asas perniagaan francais dan isu-isu semasa berkaitan perniagaan dan industri francais selain untuk mewujudkan hubungan baik di antara persatuan dengan para ahli dan bakal usahawan yang berpotensi.

Rundingcara dilaksanakan berdasarkan kepada keperluan kes dan aduan rasmi yang diterima oleh jawatankuasa dan khidmat kaunseling ini hanya diberikan kepada ahli MFA sahaja dan terbuka kepada bukan ahli dengan syarat. Kebanyakan kes yang dilaporkan melibatkan pelbagai isu dari permasalahan yang wujud antara francaisor dan francaisi.

MFA akan terlebih dahulu meneliti samada kes-kes yang dilaporkan itu melibatkan Akta Francais 1998, amalan etika perniagaan atau kelakuan profesional seseorang ahli, seterusnya menyasat kes yang dikemukakan dan merujuk kes-kes tersebut kepada organisasi berkaitan seperti KUSKOP, Pernas, MyIPO dan sebagainya.

Pada tahun 2024, aktiviti *Counselling and Conciliation Services* serta *MFA Legal Clinic* telah dipeluaskan dengan peningkatan pengiklanan di laman sesawang MFA dan hebahan maklumat melalui media sosial. MFA telah menerima terdapat beberapa aduan secara tidak formal dan mengadakan sesi perbincangan awal sebelum meminta para pengadu untuk menggunakan khidmat yang diberikan oleh MFA, namun kebanyakan mereka memilih untuk tidak menggunakan khidmat yang diberikan.

Liputan Media

MFA sebagai platform antara media dan ahli-ahli MFA bagi mempromosikan ahli MFA dan industri francais keseluruhannya. Sepanjang tahun 2024 sebanyak 73 artikel dan berita ahli telah dihebahkan melalui pelbagai saluran media MFA.

PROMOSI & PENGIKLANAN

LIPUTAN MEDIA

Liputan Berita di Media Cetak & Digital

MFA bertanggungjawab untuk merangka dan melaksanakan pelan promosi di media dengan menerbitkan iklan program. Pada tahun 2024, MFA telah menerbitkan iklan program dan iklan terima kasih di akhbar Berita Harian, The China Press, Harian Metro, New Straits Times, Nanban, Kosmo!, Asia Franchise, Business Today dan Franchise Asia. Selain promosi di platform digital, MFA juga turut melaksanakan pengiklanan media di platform papan iklan bercetak & LED, radio dan televisyen untuk mempromosikan aktiviti anjuran MFA. Aktiviti elektronik adalah seperti berikut:

KANDUNGAN	MEDIA	TARIKH
Office Moving & Training	New Strait Times	22/3/2024
FIM2024 - Pameran	Asia Franchise	1/1-31/3/2024
FIM2024 – Persidangan Francais	China Press	14/4/2024
FIM2024 – Pameran Francais	Berita Harian	25/4/2024
FIM2024 – Pameran Francais	New Straits Times	30/4/2024
FIM2024 – Pameran Francais	New Straits Times	30/5/2024
FIM2024 - Pameran	Franchise Mind Vol.1/2024	30/5/2024

Temuramah dan Bual Bicara

Aktiviti ini dilaksanakan untuk mempergiatkan lagi aktiviti promosi MFA dan ahli. Sebahagian program ini juga adalah program kerjasama antara MFA dan KUSKOP yang bertujuan untuk mempromosikan FIM, latihan francais dan lain-lain. Berikut merupakan temuramah, bual bicara dan pengiklanan radio yang telah dibuat sepanjang tempoh ini.

MEDIA & SLOT	TARIKH	WAKIL
RTM – Berita TV1 <i>Pelancaran FIM2024</i>	22/1/2024	◆ Liputan Berita
RTM – Berita TV1 <i>Taklimat AFM2024</i>	7/3/2024	◆ Liputan Berita
China Press - MFA leads in empowering the franchise industry	19/4/2024	◆ Datuk Dr. Radzali Hassan (Pengerusi) ◆ Tn. Hj Mohamad Shukri Salleh (Naib Pengerusi) ◆ Jacky Lim (Ahli Jawatankuasa Utama)
Bernama Radio - Persidangan Francais bantu usahawan fahami trend francais terkini	24/4/2024	◆ Prof. Dr Azmawani Abd Rahman (Editor Eksekutif)
RTM Biz Malaysia - Galak masyarakat ceburi perniagaan francais melalui FIM	2/5/2024	◆ Kairul Azman Mohd Yusoh (Ahli Jawatankuasa Utama) ◆ Dawn Liew (Pemenang Francais Terbaik 2024)
RTM Traxx FM - Start a moving business with franchise	13/5/2024	◆ Deric Yeo (Setiausaha Agung)
RTM Nasional FM - Jom jadi usahawan Francais!	20/5/2024	◆ Tn. Hj Mohamad Shukri Salleh (Naib Pengerusi)
RTM Selamat Pagi Malaysia – (Peluang perluas jaringan perniagaan di FIM)	28/5/2024	◆ Terry Lim (Ahli Jawatankuasa Utama)
RTM – Berita TV1 – Majlis Perasmian FIM2024 & Malam Anugerah Francais 2024	29/5/2024	◆ Liputan Berita

MEDIA & SLOT	TARIKH	WAKIL
Franchise Mind Vol.3/2024 – Cover Story	16/8/2024	<ul style="list-style-type: none"> ◆ Lawrance (Pengasas Little Master) ◆ Pong (Ketua Pegawai Operasi Little Master)
Franchise Mind Vol.3/2024 – Cover Story	19/10/2024	<ul style="list-style-type: none"> ◆ Paul Ang (Pengasas Laundrybar) ◆ Sandra (Pengasas Laundrybar)

Kempen Program

Sebagai salah satu inisiatif dalam mempromosikan industri francais, MFA telah mempelbagaikan kempen di media sosial. Selain bertujuan untuk menghebahkan aktiviti MFA, kempen ini juga bertujuan untuk menyebarkan kesedaran masyarakat umum terhadap isu semasa. Selain itu, MFA dengan kerjasama beberapa institusi lain telah menjalankan beberapa kempen promosi di sosial media dengan objektif untuk mempromosikan jenama francais tempatan kepada masyarakat umum. Kempen ini telah dilaksanakan di semua platform media sosial MFA dan institusi berkaitan. Antara kempen yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2024 adalah termasuk:

- CNY: Wish and Post pada 10-24 Feb 2024 dengan tujuan memeriahkan musim perayaan dan meraikan pengikut MFA di platform media sosial.
- FIM2024 pada Dis 2023 sehingga Mei 2024 dengan tujuan untuk mempromosikan FIM umum merangkumi semua kategori sasaran. Kempen ini melibatkan semua platform termasuk termasuk media sosial televisyen, radio, laman sesawang dan email marketing.
- Anugerah Francais Malaysia 2024: Kempen bagi program ini bermula Mac sehingga Mei 2024. Penyediaan konsep Anugerah Francais Malaysia 2024 telah dijalankan untuk pelancaran anugerah pada Mac 2024. Selain itu, kempen hebahan pencalonan anugerah akan dilaksanakan di semua platform MFA yang bersesuaian bermula tarikh pelancaran dan mendatang.
- Hari Malaysia 2024 pada Ogos 2024 dengan tujuan menghebahkan Kempen Hari Kebangsaan 'Merdeka Shout Out'. Poster promosi sempena hari kebangsaan telah dikongsikan ke media sosial MFA untuk 14 jenama.
- Membership: Join MFA Now! Bermula Mei hingga Ogos 2024. Kempen ini bertujuan untuk menarik lebih banyak syarikat mendaftar sebagai ahli MFA. Aktiviti melibatkan perkongsian e-bulletin berkaitan ahli baru MFA, manfaat keahlian, testimoni keahlian serta aktiviti promosi dengan memberi sejumlah diskaun kepada ahli MFA yang ingin menyertai aktiviti yang dianjurkan oleh MFA.
- Franchise Bowling 2024: Bermula pada November sehingga Disember 2024 bagi mempromosikan penyertaan pertandingan bowling MFA melalui poster hebahan di media sosial dan kaedah EMBI oleh sekretariat.

EDITORIAL

Ucapan

Sepanjang tahun 2024, sebanyak 6 teks ucapan tetamu kehormat bagi program anjuran MFA telah disediakan dan butiran lanjut adalah seperti berikut:

- Teks ucapan pelancaran FIM2024 untuk YBhg Datuk Dr Radzali Hassan.
- Aktikel khas FIM2024 bagi YBhg Datuk Dr Radzali Hassan dan AFM2024 bagi YBrs Prof Dr Hizam Mohd Hanafiah.
- Teks ucapan perasmian FIM2024 kepada Yang Berhormat Datuk Ewon Benedick dan YBhg Datuk Dr Radzali Hassan.
- Teks ucapan bagi Majlis Makan Malam pada Program Specialised Business Mission (SBM).
- Teks ucapan perasmian kepada YBhg Datuk Dr Radzali Hassan untuk Majlis Perasmian Specialised Business Mission (SBM) London.
- Teks pelancaran AFC & FIM2025 kepada YBhg Datuk Dr Radzali Hassan.

Kenyataan Media

Kenyataan media MFA disediakan untuk memaklumkan dan menghebahkan mengenai program atau aktiviti yang dilaksanakan oleh MFA. Sepanjang tahun 2024, 15 kenyataan media telah diedarkan dan diterbitkan oleh media arus perdana bagi tujuan liputan berita. Butiran lanjut seperti berikut:

TAJUK	TARIKH	BIL. LIPUTAN
FIM Perkasakan Usahawan Francais	22/1/2024	26 liputan
Pencalonan Dibuka Bagi Anugerah Francais Malaysia 2024	6/2/2024	10 liputan
Anugerah Francais Malaysia Iktiraf Sistem Francais Tempatan Bertaraf Dunia	7/3/2024	5 liputan
Home Maths Therapy Jenama Francais Bumiputera Pertama Menangi Anugerah Francais Terbaik	29/5/2024	29 liputan
World Class Franchise Brands Gather in Malaysia for FIM2024 Exhibition and Conference	30/5/2024	1 liputan – Artikel Khas
FIM2024 Catat Potensi Pelaburan Perniagaan Francais RM716 Juta	12/6/2024	10 liputan
KUSKOP Sasar RM30 Juta Potensi Pelaburan Sempena Misi Khas Perniagaan Francais Malaysia Di Jakarta, Indonesia	10/6/2024	16 liputan
Syarikat Francais Fokus Lebarkan Sayap ke Pasaran Antarabangsa	21/6/2024	7 liputan
Misi Perdagangan di Thailand, Bantu Syarikat Francais Malaysia Tembusi Pasaran Tempatan	9/7/2024	2 liputan
MFA Bawa Syarikat Francais Tempatan ke Misi Khas Perniagaan Francais di London	13/8/2024	10 liputan
Misi Perdagangan Francais bantu Pengembangan Jenama Tempatan ke Singapura	12/9/2024	8 liputan
Syarikat Francais Malaysia Teroka Pasaran Arab Saudi	1/11/2024	21 liputan
Ekspo Francais Nasional (NFX) Galak Masyarakat Ceburi Perniagaan Francais	14/11/2024	10 liputan
10 Syarikat Francais Malaysia Sertai Mihas@Dubai	15/11/2024	11 liputan
AFC Dan FIM Fokus Kemampanan Francais, Digitalisasi, Serta Pertumbuhan Francais	12/9/2024	22 liputan

Prakata dan Lain-lain

Sepanjang tahun 2024, sebanyak 8 prakata telah diterbitkan untuk dimasukkan di dalam penerbitan MFA. Butiran lanjut seperti berikut:

PLATFORM	WAKIL
Baku Program MAF2024	Datuk Ewon Benedick, Menteri KUSKOP
	Datuk Dr. Hj Radzali Hassan, Pengerusi MFA
Franchise Mind Vol.1/2024	Datuk Dr. Hj Radzali Hassan, Pengerusi MFA
	Prof. Dr Azmawani Abd Rahman, Editor Eksekutif
Franchise Mind Vol.2/2024	Datuk Ewon Benedick, Menteri KUSKOP
	Datuk Dr. Hj Radzali Hassan, Pengerusi MFA
Mesyuarat Agung	Datuk Dr. Hj Radzali Hassan, Pengerusi MFA
Franchise Mind Vol.3/2024	Datuk Dr. Hj Radzali Hassan, Pengerusi MFA

PENERBITAN

Majalah dan Buku Program

MFA telah menerbitkan beberapa buku sepanjang tahun 2024 bagi tujuan selari program yang dianjurkan. Penerbitan meliputi majalah, buku program, buku laporan tahunan dan banyak lagi. Ianya telah diedarkan kepada ahli dan bakal ahli. Jadual Penerbitan adalah seperti berikut:

TARIKH KELUARAN	EDISI	TOPIK <i>HIGHLIGHT</i>
30 Mac 2024	Vol.1/2024	Franchising: Grow Fast, Grow Global
29 Mei 2024	Vol.2/2024	FIM Special Edition
28 Mei 2024	-	Buku Program MAF2024
30 Sep 2024	Vol.3/2024	From Struggles to Success: The Little Master's Story
31 Dis 2024	Vol.4/2024	More Than Just a Wash: How LaundryBar Redefined Laundry in Malaysia



PENYATA KEWANGAN


Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2024

- Laporan Prestasi Kewangan
- Laporan Berkanun Jawatankuasa Utama
- Akuan Berkanun
- Laporan Juruaudit Dalam
- Laporan Juruaudit Bebas
- Lembaran Imbangan
- Penyata Pendapatan & Perbelanjaan
- Penyata Aliran Tunai
- Nota-Nota kepada Penyata Kewangan

LAPORAN PRESTASI KEWANGAN

Secara keseluruhan, prestasi kewangan Persatuan Francais Malaysia (MFA) bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024 mencatatkan lebih pendapatan sebanyak RM42 ribu, berbanding tahun 2023 iaitu RM39 ribu. Pendapatan dan perbelanjaan MFA secara umumnya merangkumi pelaksanaan aktiviti yang dibiayai sepenuhnya oleh MFA atau program yang dianjurkan secara kerjasama, di mana terdapat perolehan yang diterima daripada pihak kementerian atau agensi berkaitan.


PENDAPATAN & PERBELANJAAN



PENDAPATAN

Pada tahun 2024, Persatuan Francais Malaysia (MFA) mencatatkan jumlah pendapatan keseluruhan sebanyak RM6.658 juta, meningkat RM1.509 juta bersamaan 29% berbanding RM5.149 juta pada tahun 2023. Pendapatan MFA merangkumi pelbagai sumber, termasuk yuran keahlian, kursus dan seminar francais, acara, program kerjasama, serta pendapatan lain-lain. Butiran terperinci mengenai pendapatan bagi tahun 2024 dan 2023 adalah seperti berikut:

PENDAPATAN



Butiran Pendapatan	(RM'000)		Varian	
	2024	2023	RM	%
Keahlian	398	405	-7	-2%
Kursus dan Seminar	200	164	36	22%
Pengurusan Acara	2,729	1,875	854	46%
Pelbagai Pendapatan	3,314	2,671	643	24%
Keuntungan Simpanan Tetap	18	34	-16	-48%
Jumlah Pendapatan	6,658	5,149	1,509	29%

Keahlian

Pendapatan keahlian adalah sebanyak RM398 ribu pada tahun 2024 berbanding RM405 ribu pada 2023. Yuran keahlian mencatatkan penurunan tidak ketara sebanyak RM7 ribu bersamaan 2% pada tahun semasa berbanding tahun kewangan lepas. Yuran keahlian menyumbang sebanyak 6% kepada jumlah pendapatan MFA bagi tahun kewangan semasa, lebih rendah daripada 8% pada 2023 disebabkan oleh program pemutihan keahlian yang dijalankan bagi meningkatkan pematuhan kepada tadbir urus. Ahli baru akan dikenakan yuran pada kadar pro rata namun mereka perlu mengemukakan bayaran penuh keahlian tahun pertama bersama dengan yuran proses.

Kursus dan Seminar

Pendapatan keseluruhan bagi yuran kursus dan seminar menunjukkan peningkatan sebanyak RM36 ribu bersamaan 22% iaitu RM200 ribu daripada RM164 ribu pada 2023. Yuran kursus dan seminar menyumbang sebanyak 3% kepada jumlah pendapatan MFA bagi tahun kewangan semasa. Bagi tahun 2024, sejumlah 9 kursus telah dilaksanakan iaitu 5 Kursus Asas Perniagaan Francais (KAPF) 2 Kursus Persediaan Bakal Francaisor (KPF) dan 2 Kursus Persediaan Perunding Francais (KPPF). Berbanding tahun 2023, sebanyak 6 kursus telah dilaksanakan iaitu 4 Kursus Asas Perniagaan Francais (KAPF) 1 Kursus Persediaan Bakal Francaisor (KPF) dan 1 Kursus Persediaan Perunding Francais (KPPF). Penambahan kursus ini mencerminkan komitmen MFA dalam memperkasakan pengetahuan dan kemahiran dalam industri francais, selaras dengan permintaan yang semakin meningkat terhadap latihan berkualiti bagi ahli dan pemain industri.

Pengurusan Acara

Pendapatan semasa menunjukkan peningkatan yang ketara sebanyak RM854 ribu bersamaan 46% berbanding tahun 2023 hasil daripada pelaksanaan 4 acara MFA iaitu Franchise International Malaysia 2024 (FIM2024) yang merangkumi program pameran, persidangan dan mesyuarat APFC & WFC, Malam Anugerah Francais 2024 (MAF2024), Franchise Bowling Tournament 2024 (FBT2024) dan National Franchise Expo 2024 (NFX2024) di Kedah. Peningkatan ketara ini disumbangkan oleh pelaksanaan acara secara serentak skala antarabangsa sempena Malaysia menjadi tuan rumah kepada Mesyuarat *World Franchise Council* (WFC) dan *Asia Pacific Franchise Confederation* (APFC). Program 2024 ini menarik penyertaan daripada 16 negara (berbanding 9 pada tahun 2023) dengan peluasan dewan pameran kepada 204 reruai berbanding hanya 120 tahun sebelumnya. Kesemua acara ini telah menjana pendapatan sebanyak RM 2.729 juta, bersamaan 41% daripada jumlah keseluruhan pendapatan MFA. Manakala pada tahun 2023, 3 acara telah dilaksanakan iaitu Franchise International Malaysia 2022 (FIM2023) dan Malam Anugerah Francais 2023 (MAF2023) dan Franchise Bowling Tournament 2023 (FBT2023) dengan jumlah pendapatan sebanyak RM 1.875 juta, bersamaan 37% daripada jumlah keseluruhan pendapatan MFA.

Pelbagai Pendapatan

Pelbagai pendapatan MFA meningkat sebanyak RM643 ribu bersamaan 24% kepada RM3.314 juta berbanding RM2.671 juta pada tahun 2023. Pelbagai pendapatan ini merangkumi pendapatan daripada program kerjasama dan lain-lain pendapatan dimana pendapatan program kerjasama adalah sebanyak RM2.982 juta dan lain-lain pendapatan adalah sebanyak RM331 ribu. Lain-lain pendapatan meningkat RM216 ribu bersamaan 65% kepada RM331 ribu berbanding RM115 ribu pada tahun 2023. Lain-lain pendapatan ini menyumbang 5% daripada keseluruhan pendapatan merangkumi yuran penyertaan program *International Expansion Trade Mission* (IETM) ke Taiwan, penyertaan ke pameran BVMW'S SME Future Day di Berlin, yuran penyelenggaraan laman sesawang APFC, jualan penerbitan – iklan dan buku, serta penerimaan dividen dari akaun semasa.

Program Kerjasama adalah program yang dibiayai sepenuhnya oleh pihak Kementerian / agensi di mana penglibatan MFA adalah hanya sebagai badan pelaksana program. Pada tahun 2024, pendapatan program kerjasama meningkat RM429 ribu bersamaan 17% kepada RM2.982 juta berbanding RM2.553 juta pada tahun 2023 dan telah menyumbang sebanyak 45% kepada

pendapatan keseluruhan. Terdapat peningkatan sebanyak 17% berbanding tahun 2023 di mana sebanyak 14 program kerjasama telah dilaksanakan pada 2024 dibawah Program Pengukuhan Pembangunan Francais untuk Meningkatkan Eksport (EFDP) iaitu 4 program Padanan Perniagaan iaitu Program *Franchise In-Buying Mission* di Kuala Lumpur dan *Specialise Business Mission* (SBM) di Indonesia, Filipina dan London; 6 Program Pameran Antarabangsa iaitu Pameran di Thailand, Singapura, Arab Saudi dan Emiriyah Arab Bersatu dan Kuala Lumpur; serta 4 program latihan antarabangsa iaitu 1 program *International Franchise Management* (IFM), 1 program *Grow Your Franchise* (GYF), 1 program *International Market Update Session* (IMUS), dan 1 bengkel pembangunan modul program latihan.


Manakala pada tahun 2023, 17 pelaksanaan program kerjasama adalah daripada Program Pengukuhan Pembangunan Francais untuk Meningkatkan Eksport (EFDP) yang terdiri daripada 3 program padanan perniagaan iaitu 1 program *Franchise In-Buying Mission* dan 2 program *Specialise Business Mission* (SBM); 5 program Pameran Perniagaan iaitu Misi Perdagangan ke luar negara; serta 9 program latihan antarabangsa iaitu 2 program latihan, 4 *International Market Update Session* (IMUS) dan 3 Siri Webinar.

Keuntungan Simpanan Tetap

Keuntungan simpanan tetap mengalami penurunan sebanyak RM16 ribu bersamaan 48% kepada RM18 ribu berbanding RM34 ribu pada tahun 2023.

PERBELANJAAN

Jumlah perbelanjaan bagi melaksanakan aktiviti mengalami kenaikan sebanyak RM1.507 juta bersamaan 29% iaitu RM6.616 juta pada 2024 daripada RM5.110 juta pada 2023 sejajar dengan pertambahan program dan aktiviti serta peningkatan kos pelaksanaan tahun semasa. Butiran lanjut serta analisis kewangan seperti berikut:



Butiran Perbelanjaan	(RM'000)		Varian	
	2024	2023	RM	%
Keahlian	68	152	84	55%
Kursus dan Seminar	111	88	-23	-26%
Pengurusan Acara	1,924	1,322	-602	-46%
Pelbagai Perbelanjaan	3,172	2,333	-839	-36%
Pentadbiran	1,341	1,213	-128	-11%
Jumlah Perbelanjaan	6,616	5,109	-1,507	-29%

Keahlian

Perbelanjaan keahlian menunjukkan penurunan RM84 ribu bersamaan 55% kepada RM68 ribu berbanding dengan RM152 ribu pada tahun kewangan yang lepas disebabkan pengurangan kos penyertaan program oleh MFA dan jumlah peruntukkan hutang lapuk tahun semasa. Pada 2024, 2 program keahlian telah dilaksanakan iaitu 2 program Teh Tarik pada bulan Mac dan Disember.

Kursus & Seminar

Perbelanjaan pelaksanaan kursus dan seminar pada 2024 menunjukkan peningkatan sebanyak RM23 ribu bersamaan 26% kepada RM111 ribu daripada RM88 ribu pada 2023. Peningkatan ini disebabkan oleh penambahan jumlah program latihan yang dianjurkan, daripada 6 program tahun 2023 kepada 9 program pada tahun 2024.

Pengurusan Acara

Perbelanjaan bagi pengurusan acara menunjukkan peningkatan RM 602 ribu bersamaan 46% kepada RM1.924 juta daripada RM1.323 juta pada tahun 2023 disebabkan perbezaan jumlah acara yang dilaksanakan iaitu 4 acara pada tahun 2024 dan 3 acara pada tahun 2023, penambahan kos pelaksanaan acara iaitu kos teknikal & logistik dan kos promosi serta percetakan.

Pelbagai Perbelanjaan

Perbagai perbelanjaan mencatatkan peningkatan RM839 ribu bersamaan 36% pada tahun 2024 kepada RM3.172 juta daripada RM2.333 juta pada 2023. Pelbagai perbelanjaan merangkumi kos lain-lan belanja dan program kerjasama.

Perbagai perbelanjaan mencatatkan peningkatan ketara pada tahun 2024 sebanyak RM551 ribu iaitu kepada RM643 ribu daripada RM92 ribu pada 2023. Perbezaan ketara adalah disebabkan oleh terdapat penambahan kos pelaksanaan mesyuarat APFC & WFC pada tahun 2024, kos penyertaan ke pameran BVMW'S SME Future Day di Berlin pada bulan Mac, kos pelaksanaan program IETM Taiwan pada bulan April, kos bagi jemputan pameran dan ceramah, kos percetakan *Franchise Mind* serta kos penyelenggaraan sistem pejabat.

Perbelanjaan program kerjasama pada 2024 meningkat RM288 ribu bersamaan 13% kepada RM2.529 juta daripada RM2.241 juta adalah dipengaruhi oleh pelaksanaan program yang dianjurkan. Perbezaan jumlah perbelanjaan pada tahun 2024 dan 2023 kesan daripada pelaksanaan pelbagai jenis dan jumlah program serta peningkatan kos pelaksanaan.

Pentadbiran

Perbelanjaan pentadbiran merangkumi perbelanjaan bagi hal ehwal Persatuan, hal ehwal Jawatankuasa Utama, Sumber Manusia serta belanja operasi. Pada tahun 2024, perbelanjaan pentadbiran meningkat sebanyak RM128 ribu bersamaan 11% kepada RM1.341 juta berbanding RM1.213 juta pada tahun 2023 disebabkan oleh peningkatan kos sumber manusia, kos hal ehwal Jawatankuasa Utama dan kos pengurusan Persatuan.

JUMLAH ASET

Jumlah aset mencatatkan penurunan sebanyak RM770 ribu atau bersamaan 16% kepada RM4.134 juta daripada RM4.904 juta pada akhir tahun kewangan sebelumnya disebabkan oleh pengurangan jumlah aset bersih dan penurunan yuran pendahuluan bagi program FIM2025 pada akhir tahun 2024. Selain itu, terdapat juga penurunan dalam kategori pelbagai penghutang, deposit & prabayar disebabkan tiada bayaran pendahuluan bagi dewan pameran bagi program FIM2025 pada akhir tahun 2024.

Yuran Keahlian Belum Terima

Yuran keahlian belum terima pada 2024 mencatatkan pengurangan sebanyak RM20 ribu bersamaan 19% kepada RM82 ribu berbanding RM102 ribu pada tahun 2023, Yuran keahlian belum terima ini merupakan jumlah bersih setelah ditolak dengan peruntukan hutang lapuk, bagi mencerminkan kedudukan kewangan sebenar MFA. Polisi peruntukan hutang lapuk ini disemak secara tahunan dan dilaksanakan mengikut keupayaan kewangan MFA dalam menyerap perbelanjaan yang berkaitan. Penurunan jumlah tunggakan ini adalah hasil daripada pelaksanaan dasar kutipan yuran yang lebih ketat dan berkesan pada tahun semasa, berbanding tahun sebelumnya. Pendekatan ini telah meningkatkan kecekapan pengurusan kewangan serta memastikan kelestarian aliran tunai MFA.

Yuran Kursus dan Seminar Belum Terima

Yuran kursus dan seminar belum terima menurun sebanyak RM11 ribu bersamaan 40% iaitu kepada RM 17 ribu daripada RM29 ribu pada akhir tahun 2023 menunjukkan kutipan yuran kursus bertambah baik.

Yuran Acara Belum Terima

Yuran acara belum terima menunjukkan penurunan ketara sebanyak RM665 ribu bersamaan 86% daripada RM774 ribu kepada RM109 ribu pada 2024. Penurunan tersebut disebabkan oleh pengeluaran awal invoice program FIM2025 pada akhir tahun 2024 tidak seperti tahun sebelumnya.

Pegangan tunai

Jumlah pegangan tunai, termasuk simpanan tetap serta baki tunai di tangan dan di bank, meningkat RM260 ribu bersamaan 10% kepada RM2.857 juta pada tahun 2024 berbanding RM2.597 juta pada tahun 2023. Peningkatan ini mencerminkan pengurusan kewangan yang lebih efektif, dengan strategi pengekalan tunai yang kukuh bagi memastikan kestabilan dan kecairan kewangan MFA.

JUMLAH LIABILITI

Jumlah liabiliti mencatatkan penurunan sebanyak RM812 ribu bersamaan 23%, kepada RM2.665 juta daripada RM3.477 pada tahun 2023. Penurunan ini didorong oleh pengurangan dalam hasil terdahulu serta jumlah pemiutang.

Hasil Terdahulu

Hasil terdahulu merangkumi penyaluran peruntukan kewangan daripada pihak kementerian bagi melaksanakan aktiviti promosi francais secara kerjasama strategik. Sebahagian besar peruntukan ini diperuntukkan untuk program Enhance Franchise Development Programme (EFDP) serta Program Francais Mikro dan Mampu Milik (F3M), selaras dengan usaha memperkukuh ekosistem francais dan memperluaskan peluang perniagaan di peringkat domestik dan antarabangsa.

Pemiutang dan Pelbagai Pemiutang

Jumlah pemiutang mencatatkan penurunan sebanyak RM326 ribu bersamaan 59%, kepada RM224 ribu daripada RM550 ribu pada tahun 2024. Penurunan ini mencerminkan pengurusan kewangan yang lebih cekap serta penyelesaian liabiliti yang lebih terkawal, selaras dengan usaha MFA dalam mengekalkan kestabilan aliran tunai dan mengurangkan komitmen kewangan.

RAMILAN ABDUL RAHMAN

Bendahari Agung
10 April 2025

No pendaftaran: PPM-003-14-30081994
 (Ditubuhkan Di Bawah Akta Pertubuhan 1966)

LAPORAN BERKANUN JAWATANKUASA UTAMA

Kami, bagi pihak Jawatankuasa Utama mewakili PERSATUAN FRANCAIS MALAYSIA dengan ini menyatakan bahawa pada pendapat Jawatankuasa Utama, penyata kewangan di muka surat 46 hingga 54 adalah disediakan untuk menunjukkan gambaran yang benar dan saksama berkenaan kedudukan kewangan PERSATUAN FRANCAIS MALAYSIA pada 31 Disember, 2024 dan hasil kendaliannya serta perubahan aliran tunainya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

.....
DATUK DR. RADZALI HASSAN
 Pengerusi

.....
DERIC YEO CHIN LEE
 Setiausaha Agung

.....
RAMILAN ABDUL RAHMAN
 Bendahari

Kuala Lumpur
 Bertarikh : 30 Mei 2025

No pendaftaran: PPM-003-14-30081994
 (Ditubuhkan Di Bawah Akta Pertubuhan 1966)

AKUAN BERKANUN

Saya, RAMILAN ABDUL RAHMAN, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kwangan PERSATUAN FRANCAIS MALAYSIA dengan ikhlasnya mengakui bahawa penyata kewangan di muka surat 46 hingga 54 mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ianya adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya diakui)
 oleh penama di atas RAMILAN ABDUL RAHMAN,)
 di Kuala Lumpur pada 30 Mei 2025)

.....
RAMILAN ABDUL RAHMAN

Di hadapan saya,

No pendaftaran: PPM-003-14-30081994

LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA AHLI-AHLI PERSATUAN FRANCAIS MALAYSIA

(Ditubuhkan di Malaysia)

Laporan Audit ke atas Penyata Kewangan

Pendapat

Kami telah mengaudit penyata kewangan PERSATUAN FRANCAIS MALAYSIA yang merangkumi lembaran imbangan, penyata pendapatan dan perbelanjaan dan penyata penerimaan dan pembayaran bagi tahun kewangan yang berakhir pada 31 Disember 2024 dan dan nota-nota kepada penyata kewangan, serta polisi-polisi perakaunan yang penting, seperti yang dikemukakan pada mukasurat 46 hingga 54.

Pada pendapat kami, penyata kewangan yang memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Persatuan pada 31 Disember 2024, dan prestasi kewangan dan aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut mengikut Piawaian Laporan Entiti Persendirian (MPERS) dan keperluan Akta Pertubuhan 1966.

Asas Bagi Pendapat

